

PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH


**KEPEMIMPINAN PENTAKSIRAN HOLISTIK
MEMACU MODAL INSAN KREATIF DAN INOVATIF**

Editor:

Zaiton binti Ismail PhD

Aziah binti Samichan





P E N G U R U S A N PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

**KEPEMIMPINAN PENTAKSIRAN HOLISTIK
MEMACU MODAL INSAN KREATIF DAN INOVATIF**



**Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
Sri Layang, Genting Highlands
Pahang Darul Makmur**

Diterbitkan oleh:
Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
Sri Layang, Genting Highlands
Pahang Darul Makmur
Tel.: 03-61056100
Faks: 03-61056299
<http://www.edu.my>
iab@iab.edu.my

© Hak Cipta Terpelihara 2013 Institut Aminuddin Baki

Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, rakaman atau sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Semua kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) 2012 anjuran Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 18 hingga 20 September 2012 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.

Pengurus Penerbitan
Aziah binti Samichan

ISBN 978-967-0504-05-6

Cetakan Pertama 2013

Pencetak:
Perniagaan Normahs
No. 3, 5 & 7, Jalan 12/10
Taman Koperasi Polis Fasa 1
Mukim Batu, 68100 Kuala Lumpur
No.Tel: +603-61888940 / 61869863
No. Fax: +603-61870954

SIDANG PENERBITAN
PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH
KEPEMIMPINAN PENTAKSIRAN HOLISTIK MEMACU MODAL INSAN
KREATIF DAN INOVATIF

Penaung

Dato' Hj. Khairil bin Awang
Pengarah Institut Aminuddin Baki

Penasihat

Zainab binti Husin PhD
Timbalan Pengarah Khidmat Profesional

Mazlan bin Samsudin
Timbalan Pengarah Khidmat Latihan

Zaiton binti Ismail PhD
Ketua Pusat Penyelidikan, Penilaian dan ICT dalam Pendidikan

Abdul Razak bin Abdul Rahim
Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

Editor

Zaiton binti Ismail PhD
Aziah binti Samichan

Penulis Kertas Kerja

Khodori bin Ahmad PhD, Mohammd Najib bin Mohd Ali,
Che Kamaliah binti Endud, Anuar bin Sukiran

Sidang Penilai Kertas Kerja

Lim Siew Ngen, Nik Mohd Fakhruddin bin Nik Ab Rahman,
Md Rahaimi bin Rashid, Kamran bin Muhammad,
Aziyah binti Mohd Yusoff, Suliman bin Melan,
Nor Laila binti Kuslan, Jeffri bin Idris PhD,
Abd Wahab bin Muda

Editorial

Nik Mohd Fakhruddin bin Nik Ab Rahman,
Nor Ishsan binti Ab Razak, Jamilah binti Jaafar PhD,
Sa'adiah binti Shuib, Sukumar a/l Subramaniam

KATA ALU- ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Sidang Penerbitan Buku. Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah atas kesungguhan dan komitmen mendokumentasi bahan-bahan kolokium menjadi sebuah buku Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah-Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif Dan Inovatif.



Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan satu “Transformasi Sistem Pentaksiran” dalam pendidikan Negara yang mengubah sistem atau struktur pentaksiran murid sedia ada kepada yang menekankan pentaksiran yang lebih holistik. Pentaksiran ini merangkumi tiga domain utama iaitu: kognitif, afektif dan psikomotor. Penguasaan secara total ketiga-tiga domain tersebut diharap akan dapat membentuk pendidik yang bertanggungjawab dapat membina modal insan yang seimbang dan sesuai dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara.

Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bertemakan “Kepimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif” telah menjadi medan perkongsian ilmu dan pengalaman kepada pemimpin-pemimpin sekolah. Sehubungan dengan itu, segala maklumat melalui kolokium tersebut perlu disebar luas pada peringkat subordinat supaya proses pelaksanaan pentaksiran formatif disekolah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Justeru, pengumpulan kertas kerja dan bahan-bahan berkaitan dengan PBS untuk dibukukan merupakan suatu usaha murni untuk menyebarkan maklumat kepada warga pendidik. Semua pihak mestilah bersiap siaga dari segi fizikal, mental dan pengetahuan yang luas mengenai kaedah baharu melaksanakan pentaksiran di sekolah.

Akhir sekali, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kolokium dan penghasilan buku ini untuk dijadikan bahan rujukan. Marilah kita sama-sama berdoa agar usaha dan cita-cita murni yang kita hasratkan membuahkan hasil yang dapat dibanggakan.

Dato' Haji Khairil bin Awang
Pengarah
Institut Aminuddin Baki



PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Buku Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah-Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif merupakan koleksi beberapa pembentangan kertas kerja yang diadakan bersempena Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Tahun 2012. Kolokium Kali ke-2 yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan, Penilaian dan ICT, Institut Aminuddin Baki ini adalah suatu platform dalam menyebarkan maklumat dan berkongsi pengalaman tentang amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah secara meluas dalam kalangan pemimpin sekolah. Selain itu, penerbitan buku ini juga satu usaha berterusan oleh IAB sebagai pusat kecemerlangan dalam repositori maklumat pendidikan yang ulung di Malaysia.




Buku ini telah disusun kepada lima bahagian iaitu bahagian I yang terdiri daripada kompilasi empat buah kertas kerja yang kesemuanya menjurus kepada Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Kesemua kertas kerja ini telah disampaikan oleh mereka yang merupakan pengamal dan pelaksana PBS di sekolah dan telah berjaya melaksanakan pengurusan PBS dengan cemerlang.

Bahagian II buku ini merupakan interaksi peserta yang mempunyai persoalan-persoalan berkaitan dengan kertas-kertas kerja yang dibentangkan. Semua isu yang dilontarkan dijelaskan berserta dengan cadangan penambahbaikan. Pada bahagian III, buku ini akan mengupas berkaitan dengan Wacana forum iaitu satu bentuk perbincangan yang berkisar kepada isu aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS). Keberkesanan kolokium ini telah dibincangkan secara khusus di bahagian IV. Manakala di bahagian V buku ini adalah berkaitan dengan maklumat kolokium pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2012.

Semoga buku Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah-Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif dapat dimanfaatkan oleh semua pemimpin sekolah untuk amalan pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang berkesan.


Saya mengucapkan syabas dan tahniah serta sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kolokium Pengurusan pentaksiran berasaskan sekolah sehingga mampu merealisasikan penerbitan buku ini. Sesungguhnya usaha yang bermanfaat ini akan membawa keberkatan.

Zaiton binti Ismail PhD
Editor



KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
KATA ALU-ALUAN	vii
PRAKATA	ix
BAHAGIAN I	
KEPEMIMPINAN PENTAKSIRAN HOLISTIK MEMACU MODAL INSAN KREATIF DAN INOVATIF Khodori Ahmad, PhD	3 - 16
KONSEP DAN PELAKSANAAN PBS DALAM TRANSFORMASI PENTAKSIRAN Mohammd Najib bin Mohd Ali	17 - 26
PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM Che Kamaliah binti Endud	27 - 37
PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) MENJADI PEMANGKIN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN BERKESAN DI SEKOLAH Anuar bin Sukiran	39 - 50
BAHAGIAN II	
INTERAKSI PESERTA	51 - 55
BAHAGIAN III	
WACANA FORUM: ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN PBS	57 - 63
BAHAGIAN IV	
KEBERKESANAN KOLOKIUUM PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH 2012	65 - 75
BAHAGIAN V	
MAKLUMAT KOLOKIUUM PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH 2012	77 - 81



KOLEKSI KERTAS KERJA

Kertas kerja yang diterbitkan ini adalah hasil daripada kajian penyelidikan, bahan bacaan, penandaarasan dan pengalaman penulis sebagai penyelidik serta pentadbir/pengurus dalam organisasi. Hasil penulisan mereka ini boleh dikongsikan bersama untuk memantapkan lagi pemahaman dan tindak atur pemimpin-pemimpin sekolah bagi merealisasikan pencapaian kecemerlangan murid meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.



KEPEMIMPINAN PENTAKSIRAN HOLISTIK MEMACU MODAL INSAN KREATIF DAN INOVATIF

Oleh:

Khodori Ahmad, PhD

**Mantan Timbalan Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)
Kementerian Pendidikan Malaysia**

PENGENALAN

Pengurusan merupakan kunci penting kepada kejayaan pelaksanaan dan keberkesanan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Kejayaan pengurusan pula bergantung kepada keupayaan pihak pengurusan menterjemahkan pelbagai pemikiran dan falsafah yang menjadi asas kepada PBS untuk mencapai tujuan tertentu. PBS diperkenalkan ke dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk bergandingan dengan peperiksaan pusat bagi merealisasikan pentaksiran holistik. Pentaksiran holistik dipercayai mampu membantu negara menjana modal insan yang diperlukan negara bagi menghadapi cabaran abad ke-21 khususnya untuk melahirkan insan yang mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif.

Kertas ini bertujuan untuk mengupas pemikiran tentang Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif. Perbincangan kertas ini akan dibahagikan kepada:

- i. Pemikiran
- ii. Makna
- iii. Kewajaran
- iv. Kaedah
- v. Peranan
- vi. Kesimpulan

Kertas ini diharap akan dapat menjadi asas perbincangan untuk menambah keberkesanan pelaksanaan PBS khususnya dan dapat membantu negara melahirkan modal insan yang diperlukan untuk abad ke-21.

i) Pemikiran

Pemikiran merupakan apa yang berlegar di dalam minda yang boleh menjadi rujukan atau permulaan kepada tindakan. Ada pemikiran yang boleh diterjemahkan kepada tindakan, ada juga pemikiran yang tinggal dalam pemikiran sahaja. Perbincangan kertas ini berlegar di sekitar satu pemikiran iaitu "Kepemimpinan Pentaksiran Holistik dianggap sebagai satu ciri yang boleh dibentuk dalam diri manusia untuk memacu kemenjadian modal insan kreatif dan inovatif". Pemikiran di atas dirumus berdasarkan tanggapan-tanggapan berikut:

- i. setiap orang berpotensi menjadi modal insan yang kreatif dan inovatif.
- ii. tahap kemenjadian modal insan kreatif dan inovatif bergantung kepada jenis dan magnitud pacuan dari dalam.
- iii. kepemimpinan adalah amanah Pencipta yang dibekalkan dalam diri setiap insan
- iv. kepemimpinan mampu menjadi pemacu yang menjurus kepada pentaksiran holistik

Modal insan kreatif dan inovatif ialah status yang boleh dicapai oleh setiap orang sebab potensi untuk menjadi kreatif dan inovatif ialah keupayaan terpendam (*innate ability*) yang dibekalkan oleh Penciptanya. Ia bukan sesuatu yang sukar dicapai atau sesuatu yang hanya boleh dicapai oleh orang-orang tertentu atau sesuatu yang boleh dilahirkan hanya dengan modal yang tinggi. Oleh itu usaha untuk menyediakan modal insan kreatif dan inovatif harus ditujukan kepada semua. Oleh sebab ia dilaksanakan di sekolah dasar ini mestilah ditujukan kepada semua murid, sebab setiap mereka mempunyai potensi untuk menjadi modal insan kreatif dan inovatif.

Tidak boleh dinafikan bahawa terdapat perbezaan tahap kekreatifan dan keinovatifan antara insan. Ada yang menjadi lebih kreatif dan ada yang menjadi kurang kreatif. Ada yang menjadi lebih inovatif dan ada yang menjadi kurang inovatif. Ada perkara yang boleh mempengaruhi tahap kemenjadian itu. Ada perkara yang boleh memacu kemenjadian itu. Terdapat pelbagai perkara dan sebab kewujudannya dalam diri seseorang serta boleh dalam magnitud yang berbeza-beza.

Dalam pemikiran ini, kepemimpinan ialah satu amanah yang benihnya boleh disemai, disuburkan, diindahkan serta menjurus kepada sesuatu peranan atau amalan. Apabila benih kepemimpinan dikaitkan dengan Pentaksiran Holistik menerusi proses penyemaian, penyuburan, pengindahan dan penjurusan yang sempurna akan wujud dalam diri orang itu konstruk-konstruk yang diperlukan untuk melahirkan modal insan kreatif dan inovatif.

Kepemimpinan ialah amanah yang generik bentuknya dan boleh menjurus kepada sebarang fungsi. Dalam konteks ini, apabila kepemimpinan yang diamanahkan itu menjurus kepada pentaksiran holistik, dengan konstruk dan fungsi yang berkaitan dengan pentaksiran itu maka ia akan menjadi pemacu kemenjadian insan yang kreatif dan inovatif.

ii) Makna

Kesefahaman sering menjadi cabaran apabila sesuatu yang baharu dikemukakan atau sesuatu dasar diperkenalkan. Dalam penulisan ini, kesefahaman atau makna kepada istilah Kepemimpinan, Pentaksiran Holistik, Kreatif dan Inovatif harus diperoleh dahulu, agar kesefahaman dalam perkara lain yang diketengahkan boleh dibina.

Apa itu Kepemimpinan

Kepemimpinan itu ialah satu amanah dalam bentuk keupayaan terpendam atau *innate ability* yang ada pada setiap insan. Dengan keupayaan itu ia layak menjadi khalifah sebagaimana difirmankan dalam al Quran dan gelaran pemimpin yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah berikut:

“Adalah Dia yang telah menjadikan engkau khalifah-Nya, pewaris bumi ini, Ia telah meningkatkan darjat sebahagian di antaramu lebih tinggi dari sebahagian yang lain. Sehingga Ia dapat mengujimu mengenai caramu memperlakukan pemberian-Nya, sesungguhnya Tuhanmu cepat memberi siksaan namun Ia juga Sangat Pengampun dan Maha Penyayang”

(Surah Al-An'am: ayat 165)

Ingatlah! Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya
(Hadis Rasulullah - Riwayat al-Bukhari)

Kepemimpinan wujud dalam bentuk yang generik. Ia boleh dispesifikkan atau dihalakan kepada sesuatu fungsi atau keadaan. Sekiranya keupayaan terpendam atau *innate ability* itu boleh dianggap sebagai benih, maka proses penyesuaian itu boleh dianggap sebagai penanaman atau cultivation.

Menurut perspektif Islam, kepemimpinan merupakan sesuatu amanah yang wajib dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, manakala pemimpin pula adalah bertanggungjawab dalam mengurus, mentadbir dan menjaga apa yang diamanahkan kepadanya. Antara yang perlu dijaga oleh seseorang pemimpin ialah menjaga dirinya daripada melakukan perbuatan mungkar dan menunaikan kewajipan syarak dan tugas-tugas yang dipikulkan kepadanya dengan baik dan adil.

Scouler (2011) berpendapat seorang pemimpin bukan sahaja memimpin organisasi tetapi juga membina orang bawahan dalam aspek teknikal dan psikologi. Beliau

menyatakan terdapat tiga tahap tugas pemimpin iaitu “*Public, Private and Personal leadership*”. Kata beliau:

The first two levels – public and private leadership – are “outer” or “behavioral” levels. The third level – personal leadership – is an “inner” level and concerns a person’s leadership presence, knowhow, skills, beliefs, emotions and unconscious habits. “At its heart is the leader’s self-awareness, his progress toward self-mastery and technical competence, and his sense of connection with those around him. It’s the inner core, the source, of a leader’s outer leadership effectiveness

(Scouller, 2011 m.s. 130)

Apa itu Pentaksiran Holistik

Holism ialah terma daripada perkataan Greek ‘holos’ maknanya keseluruhan atau menyeluruh. Beribu-ribu tahun dahulu Aristotle telah mengetengahkan prinsip berhubung *holism* iaitu, ‘*The whole is more than the sum of its parts*’ (daripada Aristotle’s *Metaphysics*). Apabila kita mengaplikasikan konsep ini kepada kehidupan manusia ia menyedarkan kita bahawa kita tidak mungkin mampu mengetahui seseorang tanpa mempelajari kesemua aspek tentang dirinya dan memahami impak hubungan antara aspek-aspek itu.

Merujuk Kamus Dewan edisi keempat (2005), “Holistik” diberi makna sebagai “bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja”. “Pentaksiran” dalam pendidikan ialah proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan individu serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam pembangunan dan pembentukan modal insan.

Kedua-dua definisi di atas digabungkan bagi membina satu konsep pentaksiran yang diperkenalkan. Pelbagai elemen telah diambil kira dalam penjelajahan terhadap ruang pemikiran dan pandangan pelbagai pihak yang mewakili pelbagai kepakaran dari dalam dan luar negara. Enam elemen berikut telah diputuskan sebagai sangat wajar dan relevan bagi menggambarkan konsep keholistikan iaitu:

- i. Holistik dalam aspek konstruk yang ditaksir
- ii. Holistik dalam aspek instrumen yang digunakan

- iii. Holistik dalam aspek orang yang mentaksir
- iv. Holistik dalam aspek masa pentaksiran
- v. Holistik dalam aspek penskoran
- vi. Holistik dalam aspek perkara dan agensi yang melapor

Holistik dari segi konstruk yang ditaksir

“Konstruk” ialah dimensi yang dijadikan fokus bagi mana-mana proses pentaksiran. Seseorang yang menjalankan pentaksiran mesti tahu dan jelas tentang konstruk yang ditaksir. Konstruk boleh dipakejkan sama ada dalam bentuk yang besar (generik) atau kecil (spesifik). Konstruk wujud dalam bentuk yang konkrit seperti “berat” atau “tinggi” yang boleh diukur dengan alat secara objektif, atau dalam bentuk yang abstrak seperti “keupayaan”, “ketegasan” dan sebagainya. Pentaksiran yang diamalkan sekarang hanya menumpukan kepada konstruk pencapaian akademik sahaja. Pentaksiran holistik memberi tumpuan kepada empat aspek besar, iaitu *Profile*, *Achievement*, *Development* dan *Involvement*, yang diberi gelaran *PADI*.

- *Profile* atau profil merupakan kualiti psikologi seseorang seperti kecenderungan, aptitud dan kegemaran yang data tentangnya boleh membantu guru menyediakan program yang paling sesuai dalam mempelajari sesuatu.
- *Achievement* atau pencapaian merupakan apa yang diperolehi oleh seseorang di akhir sesuatu proses atau program persekolahan atau pengajaran dan pembelajaran.
- *Development* atau perkembangan merupakan pertambahan atau kemajuan yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- *Involvement* atau penglibatan pula menggambarkan keterlibatan dan keaktifan seseorang dalam sesuatu aktiviti.

Holistik dari segi instrumen yang digunakan

Perkara-perkara yang digariskan di atas yang dikenali sebagai PADI itu akan ditaksir dengan menggunakan lima pendekatan yang dikenali sebagai Lima Serangkai; iaitu Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Peperiksaan Pusat, Ujian Psikometrik dan

Pentaksiran Aktiviti Jasmani dan Kokurikulum.

1. Pentaksiran sekolah ialah pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa dan dilapor oleh guru di sekolah yang melibatkan murid, ibu bapa, dan organisasi luar. Pentaksiran Sekolah dilaksana dalam bentuk pentaksiran formatif yang dilaksanakan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran atau pentaksiran sumatif pada akhir tahun.
2. Pentaksiran Pusat merupakan suatu pentaksiran yang mempunyai piawai (standard), panduan dan peraturan, instrumen pentaksiran dan kaedah menganalisis data yang disediakan oleh agensi pusat, iaitu Lembaga Peperiksaan (LP), manakala pihak sekolah akan mentadbir, memeriksa respons murid dan menyedia laporan. Pentaksiran ini dilaksanakan secara sumatif berdasarkan jadual yang ditetapkan oleh LP. Skor atau markah yang diperoleh akan dihantar ke LP untuk dianalisis sebagai satu kaedah atau mekanisma moderasi dalam menjamin kewibawaan skor PBS.
3. Peperiksaan Pusat ialah peperiksaan yang dikendalikan sepenuhnya oleh LP. Perkara yang ditaksir adalah berkaitan dan memenuhi sukatan pelajaran yang ditetapkan. Prestasi murid dalam peperiksaan pusat akan dilaporkan dalam sijil yang dianugerahkan oleh LP dengan mengambil kira prestasi murid dalam pentaksiran pusat dan pentaksiran sekolah.
4. Pentaksiran Aktiviti Jasmani dan Kokurikulum adalah bertujuan untuk mengukur dan menilai tahap penglibatan dan penyertaan murid dalam pelbagai aktiviti jasmani, kokurikulum dan kurikulum tambahan lain. Instrumen dan panduan pentaksiran akan disediakan oleh LP bersama organisasi yang berkenaan dengan bidang kepakaran mereka.
5. Ujian Psikometrik lazimnya berbentuk ujian yang digunakan untuk mentaksir trait psikologi murid yang berhubungan dengan pembelajaran mereka. Instrumen ujian psikometrik, cara menganalisis dan mentafsir data akan digariskan oleh LP dan pentadbirannya dilaksanakan oleh LP atau sekolah bagi tujuan yang dimaksudkan. Ujian psikometrik yang dibina oleh agensi berpengalaman dan terkenal di dunia akan bertindak sebagai jendela yang mengikatkan kita dengan dunia luar dalam bentuk data ujian.

Holistik dari segi orang yang mentaksir

Untuk menjayakan PADI - Lima Serangkai ini pelbagai pihak perlu terlibat sama dalam

suasana yang saling berkait dan sokong menyokong antara satu sama lain. Untuk itu pentaksiran akan dilakukan oleh guru, ibu bapa, rakan sepembelajaran, diri sendiri, pemeriksa luar dan profesional, serta mesin pentaksiran.


Holistik dari segi masa mentaksir

Dari segi masa, pentaksiran holistik dilaksanakan secara berterusan dan sepanjang masa.

Holistik dari segi kaedah penskoran

Kaedah penskoran holistik mesti dilaksanakan dalam pentaksiran holistik. Kesedaran bahawa kita berpengalaman dalam penskoran analitik harus diikuti oleh usaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa pentaksiran holistik menggunakan penskoran holistik. Pada setiap 'amal' atau perbuatan yang kita lakukan – harus ada pentaksiran yang holistik dan bukan analitik.

Pastikan ada data bagi setiap konstruk, dan dimatrikkan bagi menyimpulkan dalam band yang mudah difahami namun tetap mengandungi elemen holistik atau menunjukkan skala ke arah holistik yang berbentuk *developmental*.



Rajah 1: Skala holistik mengikut perkembangan kemahiran murid

Band 1 – tahu

Band 2 – tahu dan faham

Band 3 – tahu, faham dan boleh buat

Band 4 – tahu, faham, boleh buat dengan beradab (asas)

Band 5 – tahu, faham, boleh buat dengan beradab (terpuji)

Band 6 – tahu, faham, boleh buat dengan beradab (mithali)

Holistik dari segi perkara dan agensi yang melapor

Perkara terakhir yang harus diuraikan ialah holistik daripada segi pelaporan dan agensi yang melapor. Memandangkan pihak yang menjadi autoriti dalam pelbagai aspek yang ditaksir juga pelbagai. Maka pelaporan yang autentik perlu dibuat oleh mereka yang bukan sahaja pakar tetapi yang menguasai bidang tertentu. Oleh itu pendekatan '*multiple reporting by multiple agencies*' akan digunakan dengan pelbagai agensi akan diberikan tanggung jawab untuk memberi laporan dan pengiktirafan demi merealisasikan konsep holistik yang lebih luas. Dalam pendekatan baharu ini gambaran terhadap seseorang pelajar yang telah melengkapkan satu program persekolahan tidak lagi bertumpu pada satu gred oleh satu agensi tetapi pelbagai maklumat daripada pelbagai agensi.

PADI-Lima Serangkai yang dilaksana oleh gabungan pelbagai pihak dan dilapor dengan pelbagai pendekatan oleh pelbagai agensi dipercayai bukan sahaja mampu memberi wajah baharu kepada dunia pentaksiran negara kita malahan dapat menyahut gesaan dan melegakan kegelisahan serta yang pentingnya mengisi misi pentaksiran holistik dalam menuju pencapaian visi dan aspirasi negara.

Apa itu Modal Insan Kreatif & Inovatif

Dalam sesuatu organisasi atau negara, aset yang paling berharga ialah insannya yang sering dirujuk sebagai modal insan. Ilmu, kemahiran, kepakaran dan pelbagai kualiti lain termasuk kreativiti dan inovasi yang dipunyai oleh setiap insan dalam sesuatu negara atau organisasi itu boleh mengupayakan mereka melakukan kerja atau memainkan peranan yang boleh menyumbang kepada ketinggian nilai ekonomi menjadi kayu ukur kekuatan modal insan.

Dalam konteks ini, modal insan kreatif dan inovatif sering diperkatakan. Kedua-dua istilah ini iaitu kreatif dan inovatif adalah dua konsep yang berbeza dan perlu difahami perbezaannya. Menurut YIM (Yayasan Inovasi Malaysia), seringkali 'inovasi' dan 'kreativiti' digunakan silih berganti dan ada kalanya keduanya membawa makna yang sama. Namun adakah keduanya mempunyai konsep yang sama? Apakah perbezaan

antaranya? Bagaimana pula dengan 'idea' yang sering dikaitkan apabila berbincang tentang kreativiti dan inovasi. Kesefahaman tentang ketiga-tiga istilah ini juga penting sebelum memperkatakan lebih lanjut tentang kreativiti dan inovasi. Semuanya bermula dari idea. Idea ialah titik permulaan bagi kreativiti dan inovasi. Tanpa idea tidak akan ada sesuatu yang kreatif atau inovatif. Idea ialah blok bangunan (*building block*) bagi kreativiti dan inovasi. Idea itu umpama benih yang menunggu untuk ditanam dan disuburkan menjadi pohon yang cantik. Idea harus baru dan segar. Idea yang lama adalah seperti benih yang sudah mati, tidak bernyawa dan tidak produktif.

Kreativiti ialah proses penjanaan idea. Orang yang kreatif maknanya mereka yang boleh menjana atau menghadirkan idea-idea atau mengumpulkan idea. Idea yang baru itu mungkin mudah atau kompleks. Apabila seorang kanak-kanak memikirkan satu idea, sekalipun yang nakal, ia adalah orang yang kreatif. Samalah keadaannya apabila seorang ahli sains menerokai sesuatu untuk mencari idea, ia mengamalkan kreativiti. Oleh itu kreativiti ialah satu proses; lebih tepat lagi ialah proses berfikir. Kreativiti diterjemah daripada perkataan *creativity* yang kata akarnya ialah 'create'. Dalam hal ini apa yang dicipta atau yang dijana ialah idea.

Inovasi pula boleh dianggap sebagai kreativiti yang dilaksanakan. Inovasi menterjemahkan idea kepada amalan. Apabila orang melihat kreativiti sebagai proses pemikiran, inovasi ialah proses penghasilan. Inovasi menambah nilai kepada idea yang tanpanya idea itu akan tinggal sebagai idea. Jika sekiranya idea diumpamakan sebagai benih maka inovasi ialah pohon yang tumbuh hasil daripada penanaman dan penyuburan benih.

Berdasarkan perbezaan antara kreativiti dan inovasi yang digariskan YIM di atas maka bolehlah dirumuskan bahawa modal insan kreatif itu ialah mereka yang mampu menjana (atau sentiasa menjana) idea yang baru, manakala modal insan inovatif ialah mereka yang mampu menghasilkan sesuatu daripada idea. Namun satu kumpulan lagi yang sangat kita harapkan ialah modal insan kreatif dan inovatif iaitu mereka yang mampu menjana idea yang baru dan sekaligus menghasilkan sesuatu seperti penyelesaian atau barangan berdasarkan idea baru yang dijana oleh mereka.

KEWAJARAN

Perbincangan tentang kewajaran pemikiran ini dibahagikan kepada tiga: pertama berhubung pemikiran tentang "Kepemimpinan Pentaksiran Holistik", kedua berhubung tentang kewajaran A memacu B "Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif" dan ketiga kewajaran memberi perhatian kepada pemikiran ini.

Kewajaran Kepemimpinan Pentaksiran Holistik

Wajar untuk kita menjenguk tentang hidup suburnya, “Kepemimpinan Pentaksiran Holistik” di dalam diri setiap orang khususnya murid dan bukannya setakat ada kerana dengan pemikiran itu bolehlah kita memulakan satu transformasi yang bermakna. Selama ini tanggapan dan amalan kita, apa yang berlaku dalam diri orang yang dipanggil murid bolehlah disebut sebagai “Kepengikutan Peperiksaan Analitik”. “Kepengikutan” kerana mereka ‘dipaksa’ untuk mengikut kerangka atau *frame* yang telah disediakan dengan taat tanpa soal jawab. Kita mengamalkan peperiksaan dan bukan pentaksiran.

Walaupun kita menyebut dengan istilah pentaksiran, namun pemikiran yang kita gunakan masih peperiksaan dengan hanya guru yang boleh memeriksa dan skor itu tidak boleh dilihat oleh sesiapa sebab ia adalah rahsia. Ini ialah amalan yang dilakukan berdasarkan pemikiran peperiksaan. Kita hanya menumpu kepada amalan yang analitik dan bukan holistik sebab tumpuan kita lazimnya pada bahagian yang boleh diperiksa sahaja atau yang boleh dijadikan soalan sahaja.

Banyak hasrat pendidikan yang dianggap abstrak dan tidak boleh diukur seperti adab sering ditinggalkan dalam peperiksaan. Sering juga kita lakukan apabila markah daripada pelbagai kertas ujian ‘dijumlahkan’ bagi mendapatkan markah keseluruhan yang dapat menggambarkan tahap pencapaian keseluruhan. Amalan ini ialah amalan analitik. Pemikiran ini amat kuat mendasari amalan kita. Oleh itu sekiranya ingin diperkenalkan transformasi dalam pentaksiran, perkara ini perlu terlebih dahulu diubah. Ubah daripada “Kepengikutan Peperiksaan Analitik” kepada “Kepemimpinan Pentaksiran Holistik” dan secara terperinci “Kepengikutan” ditransformasikan menjadi “Kepemimpinan”, “Peperiksaan” ditransformasikan kepada “Pentaksiran” dan “Analitik” ditransformasikan kepada “Holistik”. Andai ini dapat dilakukan maka berlaku anjakan yang besar dalam diri semua murid. Anjakan dari mod “kepengikutan” yang pasif kepada mod “kepemimpinan” yang aktif.

Kewajaran “Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif”

“Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif” yang menjadi tema kepada kolokium ini dianggap sangat wajar. Perealisasikan Kepemimpinan Pentaksiran Holistik tidak hanya berhenti di peringkat keputusan atau “result”. Oleh sebab pentaksiran ini berjalan secara berterusan dan melihat pertumbuhan atau *growth* seseorang, prosesnya akan lengkap apabila diikuti oleh tindakan atau penyelesaian hasil daripada idea yang kreatif. Di sini ada tiga perkara yang digariskan oleh YIM (Yayasan Inovasi Malaysia) iaitu Kreatif, Idea, Inovasi yang merupakan penghasilan

sesuatu berasaskan idea yang kreatif. Jika seseorang dilatih dengan cara yang holistik akan lahir insan yang sistemik dan secara perlahan-lahan, dapat mewujudkan “kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif”.

Kewajaran memberi perhatian kepada pemikiran ini “Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif”

Pemikiran ini pula sangat wajar untuk dibincang, didebat, dikolokiumkan pada masa ini sebab “*POLITICAL WILL*” sudah ada. Hal ini mesti ditemani oleh “*PROFESSIONAL COURAGE*” daripada kita semua pemimpin pendidikan negara untuk menjadikannya satu realiti yang berjaya, bergaya dan boleh dibanggakan. Secara khusus Laporan Garis Panduan Pertama Penyediaan RM ke-10, 2011-2015: Prospek Ekonomi dan Hala Tuju Strategik menggariskan yang berikut:

Sistem pendidikan sedia ada perlu dinilai semula bagi memastikan setiap individu diberi peluang yang berkualiti untuk menyerlahkan potensi dan bakat secara maksimum. Pembentukan kurikulum, kaedah penilaian dan persekitaran pembelajaran perlu mengutamakan penghasilan modal insan yang inkuisitif, berkeupayaan berfikir secara kritikal dan mempunyai ciri keusahawanan.

(Unit Perancang Ekonomi, 2009, m.s 10)

Apa yang harus kita lakukan sekarang dalam pendidikan? Perubahan perlakuan tanpa mengubah pemikiran boleh mencatatkan transformasi. Semua harus bermula daripada perubahan pemikiran yang mendasari perlakuan tersebut.

KAEDAH

Apa yang harus kita lakukan untuk menjadikan pemikiran ini satu realiti dan seterusnya dapat kita capai sasaran yang telah ditentukan oleh kerajaan Malaysia? Dua pendekatan boleh diketengahkan iaitu:

- i. Pengisian dalaman
- ii. Galakan luaran

Pengisian Dalaman

Benih Kepemimpinan yang sudah terdapat dalam diri setiap manusia boleh diaktifkan menerusi proses yang boleh dikenali sebagai Penyemaian, Penyuburan, Pengindahan, dan Penghalaan.

Penyemaian dibuat dengan memberikan mereka ilmu yang berkaitan. Penyuburan dibuat dengan memberikan mereka latihan amal, Pengindahan pula dibuat dengan menanamkan adab dalam amalan mereka. Penghalaan pula ialah proses ilmu dan amalan itu dijuruskan kepada fungsi tertentu seperti dalam kes ini Pentaksiran Holistik. Untuk membangunkan kepemimpinan pentaksiran holistik dalam diri seseorang, khususnya murid-murid, mereka mestilah didedahkan dengan ilmu berhubung dengan pentaksiran holistik. Mereka tidak harus dibiarkan menjadi insan pasif seperti dalam amalan peperiksaan dahulu. Dalam suasana atau persekitaran peperiksaan murid menjadi sangat pasif sebab mereka hanya berperanan sebagai 'penjawab soalan' dan mereka tidak dibenarkan untuk terlibat dalam proses pentaksiran. Mereka tidak boleh jadi 'pemeriksa'. Mereka hanya menerima hasil pentaksiran sebagai sesuatu yang muktamad yang tidak wajar untuk dipertikaikan. Murid juga harus dilibatkan dengan aktif dalam proses pentaksiran dengan adab yang betul iaitu dengan bertanggungjawab kepada aspek kesahan dan kebolehpercayaan ujian yang dijalankan. Apabila ini dapat kita lakukan maka akan wujudlah persekitaran "Kepemimpinan Pentaksiran Holistik" yang secara jelas melahirkan tenaga kerja atau modal insan yang kreatif dan inovatif.

Galakan Luaran

Murid-murid di sekolah harus dilibatkan dalam aktiviti, persatuan dan perkembangan di peringkat lokal dan global sebagai contoh dengan organisasi berkaitan seperti:

1. MACRI (Malaysian Association For Creativity And Innovation)
2. GCMA (Global Creative and Media Agency)
3. YIM (Yayasan Inovasi Malaysia)
4. EIS (European Innovation Scoreboard)
5. GCI (Global Creativity Index) yang berasaskan kajian oleh Martin Prosperity Institute Rotman School of Management, University of Toronto, Canada.

PERANAN

Pelbagai peranan boleh dimainkan oleh pihak sekolah dan pemimpin sekolah untuk menterjemahkan pemikiran "Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan

Kreatif dan Inovatif” kepada program yang boleh membantu negara mencapai tujuan PBS. Antara yang utama ialah:

- i) Merancang, Meneraju, Mengorganisasi, dan Mengawal iaitu dengan melaksanakan berdasarkan dua pendekatan; Kaedah A – Pengisian Dalam dan Kaedah B – Galakan Luaran.
- ii) Merancang, Meneraju, Mengorganisasi, Mengawal program untuk memberi ilmu tentang Kepemimpinan, tentang Pentaksiran Holistik, tentang Modal insan kreatif dan inovatif.
- iii) Merancang, Meneraju, Mengorganisasi, Mengawal program yang secara khusus menanamkan pemikiran bahawa Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif.
- iv) Merancang, Meneraju, Mengorganisasi, Mengawal program yang melibatkan murid-murid dengan perkembangan yang berlaku pada institusi atau organisasi yang berkaitan dengan kreativiti dan inovasi seperti MACRI, GCMA, YIM, EIS dan GCI.

KESIMPULAN

PBS diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk berganding bahu dengan peperiksaan pusat yang telah kita amalkan selama ini sebagai landasan untuk merealisasikan Pentaksiran Holistik. Itu misi pendidikan bersama. *Political Will* sudah dizahirkan dan dimaktubkan dan kita wajib untuk menyahut cabaran ini dengan tindakan yang bertolak dari *Professional Courage* yang bersungguh-sungguh.

Sebagai pengurus dan pemimpin pendidikan, kita harus ingat bahawa amalan mestilah dipimpin dengan ilmu. Ilmu tanpa amal – satu pembaziran, manakala amal tanpa ilmu boleh berakhir dengan kesesatan. Oleh itu hubungan antara Teori dan Praktis, Konsep dan Kaedah, Dasar dan Pelaksanaan harus jelas dan dikekalkan. Dalam konteks inilah perlunya kita mengekalkan hubungan antara Pemikiran dan Perlakuan. Apa yang kita lakukan dalam PBS mestilah didasarkan kepada pemikiran. Semua yang kita lakukan dalam PBS mesti ada pemikiran yang menjadi dasar kepada polisi tersebut.

Oleh itu, konsep “Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif” sebagai pemikiran yang mendasari sebarang aktiviti yang diperkenalkan dalam PBS dengan keyakinan bahawa dengan pemikiran itu, akan mampu bertindak sebagai enjin penjana Modal Insan Kreatif dan Inovatif yang sangat diperlukan oleh negara demi kecemerlangan sistem pendidikan Malaysia pada abad ke-21 dan masa yang akan datang.

Bibliografi

- Buchanan, D. & Huczynski, A. (1997). *Organizational behaviour (third edition)*, London: Prentice Hall
- Collins, J. (2001). *Good to great: Why some companies make the leap... and others don't*. New York: Harper Collins.
- Editor (2012, June 13). *The secret to creativity*. Retrieved June 13, 2012 from <http://www.pickthebrain.com/log/can-you-learn-to-be-creative>
- Florida, R. (2002a). "The rise of the creative class". New York: Basic Books
- Unit Perancangan Ekonomi, JPM (2009). Garis panduan pertama penyediaan RM ke-10, 2011-2015: Prospek ekonomi dan hala tuju strategik.
- Katzenbach, J. & Smith, D. (1993). *The wisdom of teams*. New York: HarperCollins.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 25.
- Ken Robinson. (2011). *Out of our minds learning to be creative*. John Wiley & Sons. □
- Rob MacLachlan. (2011). "Review in people management magazine by Rob MacLachlan, 30 August 2011". Peoplemanagement.co.uk. Retrieved 2012-08.
- Roberta Ness. (2012). "Innovation generation. How to produce creative and useful scientific ideas". Oxford University Press: University of Texas.
- Scouller, J. (2011). *The three levels of leadership: How to develop your leadership presence, knowhow and skill*. Cirencester: Management Books 2000.
- Scouller, J. (2011). pp. 34-35. Also see the "Businessballs information website: Leadership Theories Page, Integrated Psychological Approach section, "Analysis of Traditional Models of Leadership – Strengths and Weaknesses"". Retrieved 2012-08-03 from Businessballs.com. on 2012-02-24.
- Singapore : *Report of the primary education review and implementation committee*, March 2009 p3
- Stogdill, R.M. (1948). *Personal factors associated with leadership: A survey of the literature*. *Journal of Psychology*, Vol. 25.

KONSEP DAN PELAKSANAAN PBS DALAM TRANSFORMASI PENTAKSIRAN

Oleh:

Mohammad Najib bin Mohd Ali
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENGENALAN

Dasar Pendidikan Kebangsaan meletakkan bahawa ilmu adalah penentu utama arah tuju negara dan penyelamat bangsa. Tujuan utama pendidikan adalah untuk membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan penghayatan nilai murni. Penguasaan dan penghayatan kepada dimensi ini diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi serta bersifat global. Pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara demi mencapai taraf negara maju sepenuhnya dari segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik.

Bagi merealisasikan dasar tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan misinya adalah untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan mencapai aspirasi negara Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dinyatakan sebagai;


Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warga negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara.

FPK merupakan prinsip dan hasrat dalam sistem pendidikan untuk memperkembangkan potensi individu sepenuhnya bagi mencapai aspirasi negara melahirkan modal insan yang mampu memakmurkan negara. Dasar Pendidikan Kebangsaan diwujudkan bagi menggariskan strategi pengoperasian falsafah untuk

merealisasi idea, mematuhi prinsip, melaksana dan mencapai hasrat FPK. Dasar ini juga mengawal, memandu dan menjadi punca kuasa yang menjadi asas kepada strategi pengoperasian itu.

Modal insan yang hendak dilahirkan oleh sistem pendidikan negara adalah individu mempunyai kualiti:

- Aktif dan yakin mampu memperoleh kejayaan dalam proses pembelajaran
- Bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri dalam proses pembelajaran yang dilalui
- Bersikap positif, berdaya maju dan sentiasa ingin mencapai pelbagai kecemerlangan apabila menghadapi cabaran dalam proses pembelajaran.
- Berusaha dan belajar bersendirian atau dengan orang lain di dalam dan di luar alam persekolahan untuk mencapai matlamat peribadi dan matlamat kumpulan.
- Berupaya mengguna pemikiran logis, kritis, kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan untuk kesejahteraan hidup pada masa kini dan masa hadapan
- Berupaya mengguna bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris dan bahasa lain dengan baik dan berkesan untuk berhubung dengan budaya dan idea intelektual orang lain
- Mampu memilih, mengintegrasikan dan mengaplikasikan pelbagai konsep dan teknik dalam pelbagai bidang ilmu untuk membuat generalisasi dan keputusan
- Kompeten, kreatif dan kritis sebagai pengguna teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- Mempunyai kemahiran dan kebolehan yang diperlukan untuk menjadi warganegara bertaraf lokal dan global yang berkesan termasuk keprihatinan terhadap orang lain
- Mempunyai sikap positif terhadap pendidikan dan latihan lanjutan, pekerjaan dan pendidikan sepanjang hayat.



IMPAK PEPERIKSAAN KEPADA SISTEM PENDIDIKAN

Impak peperiksaan kepada sistem pendidikan telah sekian lama dibincangkan oleh pelbagai lapisan masyarakat serta kesannya kepada individu atau kumpulan. Kebanyakan perbincangan hanya berminat menonjolkan kesan yang negatif sahaja walaupun pada hakikatnya peperiksaan juga memberi impak yang positif. Walau apapun sistem peperiksaan yang dilaksanakan, sudah tentunya ia memberikan impak dalam sistem pendidikan sedia ada. Kesan ini bukan sahaja tertumpu kepada suatu kelompok masyarakat atau lokasi tertentu sahaja tetapi melibatkan hampir seluruh negara. Sistem peperiksaan menggunakan instrumen yang sama untuk mentaksir kebolehan murid daripada pelbagai latar belakang hanya boleh meletakkan kebolehan mereka pada satu skala yang sama dan tidak menyumbang maklumat yang tepat untuk digunakan bagi membangunkan potensi individu yang berbeza. Sistem peperiksaan lebih menekankan kepada mengukur kebolehan murid menghafal pengetahuan dan mengeluarkannya semula semasa diuji. Pengujian secara autentik terhadap pemahaman murid tentang apa yang mereka belajar dan kemahiran berfikir aras tinggi kurang diberi penekanan.

Peperiksaan awam lebih tertumpu kepada pengukuran sejauh mana murid mampu belajar untuk menghabiskan sukatan pelajaran demi peperiksaan serta keputusannya dikhususkan untuk pemilihan dan pensijilan. Sistem peperiksaan telah memperkuatkan lagi pendekatan pengajaran untuk tujuan penghafalan bagi menghadapi peperiksaan.

Dalam usaha untuk mendapatkan maklum balas tentang impak peperiksaan terhadap sistem pendidikan sedia ada, Lembaga Peperiksaan telah menganjurkan tiga bengkel Kajian Aspirasi Pentaksiran Kebangsaan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuala Terengganu. Ketiga-tiga bengkel tersebut melibatkan guru, ibu bapa, badan-badan berkanun dan badan-badan bukan kerajaan. Melalui tiga pertemuan ini responden menyuarakan bahawa impak sistem peperiksaan ke atas sistem pendidikan boleh bersifat positif atau negatif.

IMPAK POSITIF

Antara kesan positif ini yang telah dikumpul daripada responden kajian itu adalah:

- Kewujudan peperiksaan menghasilkan reaksi positif kepada guru-guru yang komited dalam pengajaran mereka. Mereka mengajar bersungguh-sungguh bagi memastikan murid-murid mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Peperiksaan memberikan motivasi kepada guru untuk berusaha lebih kuat dengan mengadakan kelas-kelas tambahan, ceramah teknik menjawab soalan peperiksaan atau menganjurkan pertandingan demi memastikan murid-murid sentiasa bersemangat dan mempunyai daya saing yang tinggi.

- Hubungan, kerjasama dan tolong menolong antara murid–murid dan murid–guru dipertingkatkan demi menepati sasaran untuk mencapai kecemerlangan dari peringkat awal dengan mengamalkan pendekatan berpasukan.
- Peperiksaan juga mampu menggalakkan penglibatan dan kerjasama antara ahli-ahli PIBG dengan pihak sekolah. Terdapat beberapa PIBG memberi sumbangan kewangan kepada pihak sekolah bagi melaksanakan kelas tuisyen kepada anak-anak mereka. Persediaan awal, perancangan teliti dan permuafakatan antara sekolah, guru, pelajar dengan PIBG merupakan faktor penyumbang pencapaian cemerlang di beberapa buah sekolah yang terbaik dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR).
- Guru-guru dan pengetua sekolah telah berusaha untuk mencapai keputusan yang terbaik bagi anak didiknya kerana mereka tidak mahu melihat sekolah dilabel sebagai sekolah tidak baik ekoran peratus kelulusan dan keputusan peperiksaan sekolahnya rendah.
- Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diiktiraf di seluruh dunia telah memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi di seluruh dunia.

IMPAK NEGATIF

Sememangnya peperiksaan memberi impak positif kepada pendidikan, namun kita tidak menafikan bahawa peperiksaan juga boleh mendatangkan kesan negatif yang menjadi penghalang kepada pendidikan dalam merealisasikan hasrat FPK. Kesan negatif ini sering diperkatakan sehingga timbul rangkai kata yang sangat popular, iaitu “pendidikan yang berorientasikan peperiksaan”. Kesan negatif ini berpunca daripada reaksi ekstrem terhadap peperiksaan dan perhatian keterlaluan terhadap gred yang dipaparkan dalam slip keputusan peperiksaan calon.

Ciri peperiksaan sekarang yang berbentuk Rujukan Norma dan berfokus kepada pertandingan prestasi antara calon berbanding pertumbuhan dan kemajuan calon itu sendiri telah menyebabkan sesetengah murid terus berputus asa daripada mencuba untuk berjaya. Murid, guru dan ibu bapa terlalu memberi fokus kepada pencapaian gred yang tinggi, walaupun gred itu tidak memberikan makna tentang kebolehan murid di sebalik gred yang diperoleh. Kebanyakan kontroversi tentang ujian memberi fokus kepada Ujian Piawai Rujukan Norma (*norm-referenced standardized test*) kerana prosedur, bahan dan kaedah penskoran ujian telah ditetapkan dan prestasi individu merujuk kepada prestasi purata.

Peperiksaan berbentuk Rujukan Norma juga telah mewujudkan budaya banding-membanding serta meningkatkan tekanan emosi dalam kalangan murid, guru, sekolah dan ibu bapa. Murid menghadapi tekanan yang paling banyak, diikuti guru dan pihak sekolah. Ibu bapa selalu membandingkan pencapaian anak mereka dengan anak orang lain. Ibu bapa yang mampu dan mahu anaknya mendapat keputusan cemerlang akan menghantar anak mereka ke pusat tuisyen. Murid pula belajar untuk peperiksaan dan bukannya untuk mendapatkan ilmu. Ini telah mewujudkan sistem pendidikan yang dikatakan berorientasikan peperiksaan. Murid yang gagal akan berasa rendah diri dan mengakibatkan mereka hilang tumpuan dan minat untuk meneruskan pembelajaran mereka.

Peperiksaan berbentuk Rujukan Norma menggambarkan sistem yang digunakan sekarang untuk menjelaskan keputusan sesuatu amalan peperiksaan yang meletakkan calon atau murid dalam satu skala kontinum nombor. Nombor 1, 2, 3, 4, seterusnya hingga nombor terakhir atau gred A, B, C, D dan seterusnya memberi gambaran bahawa mereka yang mendapat nombor atau gred yang lebih atas adalah mereka yang lebih baik, tanpa merujuk kepada pernyataan sesuatu kriteria atau standard.

Masyarakat kita sudah lazim dengan sistem itu tanpa menyedari bahawa sesiapa yang diperiksa atau dinilai di bawah sistem itu sebenarnya tidak dapat memberi erti pada diri mereka. Perkembangan yang signifikan hasil daripada perancangan rapi dan usaha yang bersungguh-sungguh tidak dapat diiktiraf oleh sesiapa. Pengaruh media yang terlalu menonjolkan murid yang lulus dengan kuantiti A yang banyak pula menyebabkan sesetengah murid mempunyai keinginan terlalu tinggi untuk mendapat banyak A dalam peperiksaan berpusat sehingga boleh mendatangkan tekanan mental dan emosi.

Transformasi dalam sistem pentaksiran kebangsaan mula dilaksanakan pada tahun 2011 kepada murid tahun satu. Transformasi pentaksiran ini telah diasaskan sejak tahun 2005 dengan mendapatkan pandangan yang meluas daripada pakar pentaksiran pendidikan dalam dan luar negara serta merujuk kepada amalan negara-negara maju. Sejak itu, tinjauan dan kajian yang berterusan dilaksanakan dengan mengadakan pelbagai aktiviti seperti kolokium, persidangan, seminar, forum dan lawatan penanda arasan.

Transformasi ini bertepatan dan sepadan dengan dasar pendidikan dan perkembangan ilmu pada masa kini. Dalam transformasi ini, makna pentaksiran mesti diterjemahkan supaya ia dapat menggambarkan kerelevanan, representatif, menyeluruh dan merangkumi semua aspek yang tertera dalam FPK serta objektif bagi setiap program pendidikan. Transformasi pentaksiran perlu untuk memperluaskan skop dan kaedah pentaksiran bagi menghadapi perkembangan teknologi maklumat dan komputer yang telah menyebabkan gedung ilmu menjadi sangat luas, dinamik dan boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa selagi terdapatnya kemudahan internet.

Sistem pentaksiran kebangsaan merupakan suatu mekanisme yang sangat penting. Ia digunakan untuk memacu dan memberi input tentang hasil pendidikan bagi tujuan memantau sejauh mana proses pendidikan telah mencapai matlamat yang ditetapkan. Perkembangan pendidikan kini menuntut transformasi dalam sistem pentaksiran yang bukan sahaja mengukur dan menilai dari luar sistem pengajaran dan pembelajaran malah pentaksiran hendaklah bersepadu dengan proses pengajaran dan pembelajaran serta dilaksanakan secara berterusan agar tindakan susulan dapat segera dilaksanakan untuk membantu murid memperbaiki pembelajaran.

KONSEP PENTAKSIRAN

Pentaksiran ialah integrasi proses mengumpul maklumat, memberi nilai kepada maklumat, menginterpretasi maklumat, membuat inferens dan keputusan berdasarkan interpretasi yang dibuat ke atas maklumat itu. Oleh itu pentaksiran pendidikan ialah integrasi proses pengumpulan maklumat tentang pembelajaran murid, memberi nilai kepada maklumat, menginterpretasi maklumat, membuat inferens dan membuat keputusan apa yang perlu dilakukan ke atas murid bagi memperbaiki dan mengoptimumkan pembelajaran mereka.

Dalam pendidikan, pentaksiran berbeza dengan pengukuran dan penilaian jika dilihat daripada ruang lingkup fungsi dan peranan masing-masing. Pengukuran pendidikan terhad kepada proses pengumpulan maklumat tentang pembelajaran murid. Sementara penilaian pendidikan terhad kepada proses memberi nilai kepada maklumat dan menginterpretasikannya. Proses membuat inferens dan membuat keputusan ke atas murid untuk memperbaiki pembelajaran seterusnya tidak berlaku dalam proses pengukuran dan penilaian. Manakala dalam pentaksiran, proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran berlaku secara timbal balik dan bersepadu. Seorang guru membuat pentaksiran secara tidak formal semasa mengajar, seterusnya guru itu dapat mengetahui sama ada murid itu telah menguasai apa yang dipelajari atau sebaliknya. Guru juga dapat mengetahui sama ada perlu mengulang kembali pengajarannya atau meneruskannya ke tahap yang lebih tinggi. Guru juga dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid. Semua maklumat ini dapat memberi panduan kepada guru dan murid ke arah pembelajaran berkesan.

Di samping itu, guru akan menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia yang holistik sifatnya semasa proses tersebut berjalan. Dalam hal ini, guru tidak perlu pun mengadakan ujian atau peperiksaan yang formal tetapi guru tetap dikatakan mendidik menggunakan proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang bersepadu. Proses mengumpul maklumat pembelajaran murid dilakukan dengan pelbagai cara sama ada dengan menggunakan instrumen pentaksiran seperti ujian, soal selidik, amali dan

kerja kursus atau tidak seperti pemerhatian. Maklumat yang dikumpul itu dinilai dan diinterpretasi supaya keputusan dapat dibuat berdasarkan inferens awal kita tentang kebolehan seseorang murid dalam pembelajarannya. Semua proses di atas berlaku secara bersepadu dan bertimbal balik antara satu sama lain sehingga proses pengajaran dan pentaksiran mampu menyebabkan murid meneruskan pembelajaran sepanjang hayatnya.

PRINSIP PENTAKSIRAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA

1. Tujuan utama pentaksiran pendidikan adalah untuk membantu meningkatkan standard pembelajaran murid-murid.
2. Proses pentaksiran hendaklah berfokus kepada pembinaan modal insan ke arah melahirkan masyarakat majmuk yang bersatu padu.
3. Pelbagai kaedah dan pendekatan pentaksiran hendaklah digunakan untuk memperoleh maklumat yang sah (*valid*), boleh dipercayai (*reliable*), autentik (*authentic*) dan boleh diharap (*dependable*).
4. Perkara yang ditaksir hendaklah meliputi seluruh potensi yang dikembangkan dalam diri murid.
5. Pentaksiran hendaklah dijadikan sebagai wahana yang boleh diterima murid sebagai motivasi ekstrinsik dan intrinsik untuk belajar.
6. Pentaksiran hendaklah adil kepada semua murid tanpa mengira kaum, lokaliti, latar belakang ibu bapa dan tahap pencapaian dalam pembelajaran.
7. Proses pentaksiran hendaklah dilakukan secara profesional, dengan komunikasi terbuka, jelas dan regular serta mengambil kira penglibatan luas masyarakat.
8. Seluruh proses pentaksiran pendidikan di Malaysia hendaklah merujuk kepada suatu set pernyataan standard prestasi yang boleh dicapai mengikut tahap keupayaan murid dan dibina berlandaskan kurikulum yang ditetapkan.

Jika diimbau kembali, sejauh manakah hasrat FPK yang menekankan pendidikan di Malaysia ialah proses untuk melahirkan manusia yang berilmu, berketerampilan dan berakhlak mulia telah dicapai? Murid yang dihasilkan melalui pendidikan berlandaskan falsafah ini ada yang mula memasuki alam pekerjaan atau hampir menamatkan pengajian mereka di universiti. Persoalannya, adakah potensi mereka telah dikembangkan secara

menyeluruh dan bersepadu sebagai individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani? Adakah mereka juga berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan telah mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara?

Kini, tiba masanya untuk melaksanakan transformasi daripada peperiksaan kepada pentaksiran yang cakupannya jauh lebih luas. Bukan sekadar melihat tetapi mewujudkan satu sistem yang membuatkan semua orang menyedari kewujudannya, serta memahami kaedahnya dan seterusnya melaksanakannya dengan berkesan. Satu sistem pentaksiran yang mengandungi sistem pentaksiran, peperiksaan umum dan ujian kebolehan am.

Mengapakah perlu perkara ini diwujudkan dalam masyarakat atau negara kita dan apakah bentuk sistem yang perlu disediakan? Adakah keperluan masyarakat setanding dengan sistem yang kita adakan? Adakah yang kita sediakan ini setanding atau lebih hebat dari apa yang terdapat di negara lain? Persoalan ini harus dijawab dengan tepat dan mantap sebelum kita dapat mengatakan bahawa sistem yang kita sediakan adalah yang terbaik. Persoalan *LOCAL NEEDS* dan *GLOBAL TRENDS*, mestilah diselesaikan dahulu sebelum kita menyediakan sistem peperiksaan negara.

Mengapakah pentaksiran dan bukan peperiksaan? Mengapa beralih dari peperiksaan kepada pentaksiran? Perbincangan tentang pentaksiran pendidikan tidak akan hanya tertumpu kepada apa yang telah dan akan dilakukan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) sahaja kerana ia meliputi segenap aspek pendidikan dari yang serendahnyanya kepada yang setinggi-tingginya.

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM TRANSFORMASI PENTAKSIRAN

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 Disember 2010 telah bersetuju supaya penambahbaikan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dilaksanakan dengan memberikan penekanan kepada Pentaksiran Untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning*) dan Pentaksiran Tentang Pembelajaran (*Assessment of Learning*). Selaras dengan arahan itu, Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan beberapa pekeliling ikhtisas dan buku panduan.

PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan FPK dan kurikulum kebangsaan. Komponen PBS terdiri daripada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik

terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Kedua-dua kategori ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah.

Pentaksiran Sekolah adalah pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, direkod dan dilaporkan oleh guru sekolah yang berkenaan. Pentaksiran formatif dijalankan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Contoh instrumen yang boleh digunakan ialah lembaran kerja, pemerhatian, kuiz, senarai semak, laporan tugas, tugas rumah dan ujian. Pentaksiran sumatif dijalankan pada akhir setiap unit pembelajaran, penggal, bulan dan tahun. PS berfungsi sebagai Pentaksiran Untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning*) dan Pentaksiran Tentang Pembelajaran (*Assessment of Learning*). Pentaksiran Pusat adalah suatu pentaksiran yang ditadbir, diperiksa, direkod di peringkat sekolah oleh guru berdasarkan peraturan pentaksiran, instrumen pentaksiran, tugas, garis panduan, peraturan penskoran dan penggredan dikeluarkan oleh LP dalam tempoh yang ditetapkan mengikut mata pelajaran. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum adalah pentaksiran yang ditadbir, direkod dan dilaporkan di peringkat sekolah oleh guru berdasarkan penyertaan, penglibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan ekstra kurikulum. Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) dan Body Mass Index (BMI) dilaksanakan untuk menilai dan melaporkan aktiviti fizikal murid. Manakala Pentaksiran Psikometrik (PSi) adalah pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah dan /atau pusat untuk mengukur kebolehan (*innate ability* dan *acquired ability*), kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, minat, kecenderungan, sikap dan personaliti murid. Pentaksiran ini tidak berasaskan kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengoperasian PBS memerlukan suatu perancangan yang teliti dalam semua aspek. Pelaksanaan yang seragam, boleh diurus dan mematuhi prosedur mampu menjamin berlakunya keadilan, kesahan dan kebolehpercayaan dalam pentaksiran. Bagi menjamin kualiti pentaksiran, pelaksanaan PBS adalah merangkumi aspek-aspek perancangan penataran penyelarasan dan pemantauan.

Perancangan PBS melibatkan pelbagai bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia seperti Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Bahagian, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah. Tujuan perancangan adalah untuk menyelaraskan kerja-kerja pentaksiran supaya pelaksanaannya berjalan lancar dan kemas.

Penataran ialah satu usaha untuk memastikan wujudnya kefahaman dalam kalangan pentaksir dan pengguna supaya skor yang diperoleh mempunyai darjah kesahan dan

kebolehpercayaan yang tinggi. Penataran dijalankan dengan tujuan memberi pengetahuan, kefahaman dan kesefahaman berhubung perkara yang ditaksir, kriteria yang dirujuk, evidens yang dicari, instrumen yang digunakan dan kaedah pemberian skor. Penyelarasan ialah satu proses untuk memastikan keselarasan kefahaman terhadap skema penskoran. Penyelarasan dilakukan dari aspek pentadbiran yang mencakupi keselarasan dari segi dokumen dan panduan pentaksiran. Penyelarasan juga dilakukan dari aspek penskoran untuk memastikan konstruk gred/markah/skala skor adalah seragam. Satu proses untuk mendapatkan maklumat dan memastikan pentaksiran dilaksanakan mengikut prosedur dan jadual yang ditetapkan. Pengesanan adalah satu proses untuk menilai program PBS dari segi pencapaian objektif, kekuatan dan kelemahan serta impaknya untuk tujuan memperbaiki PBS.

PELAPORAN PBS

Pelaporan PBS dibuat berdasarkan skor yang telah dirumus oleh guru pentaksir bagi menunjukkan tahap penguasaan murid dalam pembelajaran yang pentaksirannya dilaksanakan melalui PBS. Skor dirumus berdasarkan rumusan yang telah ditetapkan oleh LP dalam peraturan penggredan. Pencapaian murid boleh diperbaiki dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa sehingga tamat tempoh pelaksanaan PBS. Pelaporan PBS dilaksanakan dalam dua peringkat iaitu peringkat sekolah dan peringkat LP. Pelaporan PBS peringkat sekolah ialah pelaporan pencapaian murid yang skornya telah dirumus oleh guru pentaksir dan dilaporkan oleh sekolah. Pelaporan PBS peringkat LP dikeluarkan melalui pemberian slip keputusan dan Pernyataan Keputusan atau sijil.

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM

Oleh:

Che Kamaliah Binti Endud

Kolej Tunku Kurshiah

Seremban, Negeri Sembilan

PENGENALAN

Sejak merdeka, kerajaan Malaysia telah menyediakan peruntukan yang besar bagi pembangunan pendidikan Negara. Walau bagaimanapun, hasil kajian oleh *Programme for International Students Assessment* (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS), mendapati jurang pencapaian antara sistem pendidikan Malaysia dengan negara lain semakin melebar mencerminkan prestasi pelajar Malaysia semakin merosot dari segi mutlak. Keputusan PISA 2009+ menunjukkan kedudukan Malaysia terletak dalam kelompok sepertiga terbawah dalam kalangan 74 negara peserta, dan *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) meletakkan pencapaian Malaysia di bawah pencapaian purata antarabangsa.

Dapatan kajian dan standard pendidikan antarabangsa seperti di atas menuntut kita di peringkat pelaksana untuk mengadakan anjakan strategik dan operasi bagi mencapai visi negara dan mempersiapkan generasi muda bagi menghadapi keperluan abad ke-21, di samping memenuhi tuntutan dalam peningkatan aspirasi negara serta harapan ibu bapa dan masyarakat. (KPM: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013 - 2025)

Dalam usaha untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, pembangunan dan pembelajaran pelajar tidaklah terhad di dalam ruang lingkup bilik darjah sahaja. Oleh itu, program dan inisiatif yang membangunkan komponen akademik dan bukan akademik harus dipelbagaikan. Hari ini, pembangunan akademik pelajar boleh melangkaui ruang bilik darjah dan dapat disempurnakan melalui aktiviti kokurikulum.

Kolej Tunku Kurshiah (KTK) merupakan sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) premier dan 'stake-holders' meletakkan kepercayaan penuh terhadap keupayaan sekolah untuk meneruskan kecemerlangan pelajarnya dalam setiap bidang. Dari aspek pencapaian akademik, pelajar KTK merupakan pelajar yang dipilih daripada calon yang mendapat 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), dan yang menyerlah dalam aktiviti kokurikulum. Sebagai pengetua, adalah menjadi tanggungjawab rasmi saya untuk memastikan potensi pelajar-pelajar ini terus digilap dan dikembangkan. Usaha membangunkan kemenjadian pelajar yang diamalkan di KTK bukanlah sesuatu yang

baharu. Pada dasarnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan pegangan saya dalam merencanakan “satu usaha berterusan bagi membangunkan pelajar secara menyeluruh, merangkum pelbagai dimensi, iaitu intelek, rohani, emosi, dan jasmani” (FPK:1988).

Dalam kertas kerja ini, saya ingin berkongsi tentang bagaimana saya mengurus satu inovasi pendekatan pedagogi bagi mentaksir pembelajaran pelajar melalui aktiviti kokurikulum bagi pelajar kohort pertama, iaitu pelajar Tingkatan Satu 2012, di samping melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Pada asasnya, saya menggunakan aktiviti kokurikulum sebagai platform atau konteks untuk mentaksir pelajar, khususnya untuk melonjakkan penguasaan mereka sehingga mencapai Band 6, iaitu band yang tertinggi dalam PBS. Oleh sebab kebanyakan aktiviti kokurikulum dilaksanakan di luar bilik darjah, peluang untuk memaksimumkan pembelajaran melalui aktiviti kokurikulum biasanya terbiar begitu sahaja kerana dikhuatiri akan menjatuhkan pencapaian akademik pelajar tersebut.

Dalam kertas kerja ini juga saya ingin menunjukkan bahawa sekiranya warga pendidik bersedia untuk berfikir di luar ruang lingkup kebiasaan, saya yakin kita akan dapat menyumbang kepada anjakan strategik dan operasi, seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), yang telah dilancarkan baru-baru ini.

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM DI KOLEJ TUNKU KURSHIAH

Konsep Pelaksanaan PBS Melalui Aktiviti Kokurikulum

Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan BIL.2/ 2011, Bertarikh: 14 Februari 2011 berkaitan Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) mulai Tahun 2012, telah menuntut sekolah membuat pembaharuan dan menstrategikan kaedah dan pendekatan dalam pembelajaran pelajar di sekolah. Pada pandangan kasar, PBS seolah-olah merupakan satu lagi tugas tambahan yang perlu ditanggung oleh warga pendidik, sedangkan tanggungjawab yang sedia ada sudah cukup rumit dan belum mencapai tahap sempurna. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia menyarankan agar warga pendidik mengubah cara bekerja dengan mempertingkatkan ciptaan dan inovasi serta memastikan sistem penyampaian yang berkesan. Saranan ini memerlukan kita berfikir dengan lebih terbuka dan melihat sesuatu tugas itu dari perspektif pemikiran luar kotak. Cara bekerja biasa perlu diubah untuk memberi ruang kepada kemungkinan terdapatnya kaedah bekerja yang lain yang lebih baik atau lebih berkesan. Oleh itu, saya telah menyarankan PBS melalui aktiviti



kokurikulum sebagai satu kaedah pedagogi untuk mentaksir beberapa mata pelajaran berkaitan. Bak kata pepatah Inggeris: *"killing two birds with one stone"*. Dalam erti kata lain, cara ini membolehkan guru melaksanakan PBS semasa aktiviti kokurikulum dan membuat pentaksiran pada masa yang sama, iaitu bekerja secara sambil menyelam minum air.

PANDUAN PELAKSANAAN PBS MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM

Apabila guru-guru Tingkatan Satu diberikan taklimat tentang PBS, kebanyakannya pulang dengan kekeliruan dan kerunsingan tentang tambahan beban kerja begitu ketara pada air muka mereka. Pada ketika inilah kemampuan saya sebagai Pemimpin Instruksional dalam pedagogi dituntut untuk memperjelas dan mempermudah guru-guru saya melakar jalan terbaik bagi menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan. Oleh yang demikian, saya telah menggariskan beberapa panduan untuk melaksanakan PBS di KTK dengan memanfaatkan dan memaksimumkan peluang pentaksiran pada setiap aktiviti sekolah yang melibatkan pelajar sepanjang tahun.

Panduan pelaksanaan PBS melalui aktiviti kokurikulum menuntut guru untuk menerima dan memahami bahawa:

- (a) Pembelajaran berlaku bukan hanya dalam bilik darjah,
- (b) Aktiviti kokurikulum boleh digunakan untuk pentaksiran akademik,
- (c) Aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah boleh digunakan sebagai peluang terbaik untuk mentaksir pelajar bagi band tertinggi iaitu tahap penghayatan,
- (d) Pelajar boleh ditaksir pada bila-bila masa dengan syarat mereka dimaklumkan terlebih dahulu,
- (e) Pelajar perlu mempersembahkan evidens walaupun pentaksiran dilakukan semasa aktiviti kokurikulum,
- (f) Beberapa mata pelajaran boleh ditaksir serentak melalui satu aktiviti.

DASAR PELAKSANAAN PBS MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH

PBS berhasrat untuk membangunkan potensi setiap pelajar secara menyeluruh dan

bersepadu. Setiap pelajar berhak untuk mendapat bimbingan untuk dibangunkan mengikut kadar kemampuan masing-masing. Ini adalah selaras dengan hak bagi ekuiti dan kualiti dalam pendidikan seperti yang disarankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Oleh yang demikian, dalam melaksanakan PBS melalui aktiviti kokurikulum, beberapa perkara perlu dipertimbangkan agar pentaksiran yang dibuat adalah sahih, adil dan dibuat dengan penuh amanah. Perkara tersebut termasuklah:

- (a) Pelajar mesti dimaklumkan tentang bila, bagaimana, standard prestasi dan bentuk evidens yang perlu dikemukakan sebelum pentaksiran dilaksanakan. Ini membolehkan pelajar bersedia sebaik-baiknya untuk pentaksiran.
- (b) Guru perlu memastikan bahawa setiap pelajar dalam kelasnya berpeluang untuk ditaksir melalui aktiviti kokurikulum yang dipilih.
- (c) Guru perlu menyesuaikan aktiviti kokurikulum dan Standard Prestasi dengan sukatan pelajaran yang diajar.
- (d) Guru perlu menuliskan aktiviti kokurikulum sebagai kaedah pentaksiran yang dipilih, ke dalam Buku Rekod Mengajar (BRM).
- (e) Guru perlu memastikan pelajar mencatatkan tarikh aktiviti dan Standard Prestasi di dalam bahan evidens yang dikemukakan.

LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN

- (a) Jawatankuasa PBS ditubuhkan dan tugas setiap Ahli Jawatankuasa diperjelaskan kepada semua guru.
- (b) Konsep dan kaedah pelaksanaan perlu diterangkan dan diuar-uarkan kepada semua pelanggan: pelajar, ibu bapa dan guru. Langkah ini bertujuan meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam terhadap pelaksanaan PBS di KTK secara langsung.
- (c) Guru-guru diberi penerangan bagaimana peluang melaksanakan PBS dapat diekstrak daripada sesuatu contoh aktiviti kokurikulum. Penerangan ini sebaiknya dibuat oleh Pengetua atau Penolong Kanan Akademik. Langkah ini bertujuan membantu guru menyediakan penyelesaian secara khusus berasaskan keperluan semasa, iaitu PBS.
- (d) Guru-guru didedahkan dengan mengambil satu contoh evidens yang didapati semasa satu aktiviti sekolah.

- (e) Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) mencadangkan pelbagai aktiviti yang boleh digunakan sebagai peluang untuk melaksana dan mentaksir PBS dengan tepat. Langkah ini bertujuan memberi ruang untuk memaksimumkan keberhasilan murid semasa pengajaran dan pembelajaran.
- (f) Guru Ketua Panitia bertanggungjawab membimbing guru pelaksana bagaimana bahan evidens boleh dipautkan dengan konteks dalam Sukatan Pelajaran dan Panduan Pentaksiran yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan (LP). Langkah ini bertujuan memastikan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti di sekolah dirasakan oleh semua pelajar.
- (g) Guru-guru dibimbing tentang bagaimana kualiti evidens dinilai dan dikaitkan dengan pernyataan Standard Prestasi bagi mata pelajaran berkenaan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar. Langkah ini bertujuan memberi ruang kepada pelajar untuk memanfaatkan ICT bagi meningkatkan pembelajaran berkualiti dan kreativiti.
- (h) Guru PBS melaksanakan aktiviti, merekodkan aktiviti ke dalam Buku Rekod Mengajar (BRM), mentaksir dan menyimpan evidens yang bersesuaian serta merekod pencapaian pelajar. Langkah ini bertujuan memudahkan transformasi kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian guru.

IMPAK PELAKSANAAN

Beberapa impak yang ketara dapat diperhatikan dalam kalangan pelajar, guru dan sekolah apabila saya melaksanakan kaedah ini di sekolah.

Impak kepada pelajar

Antaranya adalah:

- (a) Pelajar bekerjasama dengan guru dan lebih berusaha untuk melibatkan diri dalam pembelajaran melalui aktiviti yang dijalankan. Pembangunan kerohanian dan etika pelajar dibangunkan sepanjang mereka berinteraksi dengan guru.
- (b) Pelajar lebih bertanggungjawab dalam menguruskan evidens pembelajaran masing-masing. Dalam konteks ini saya dapat melihat perkembangan dan pembangunan kreativiti dan kepimpinan pelajar menyerlah kerana mereka perlu mengorganisasi pembelajaran sendiri dan kelompok rakannya.

- (c) Semua pelajar mendapat peluang yang saksama untuk melibatkan diri dalam pembelajaran sendiri. Ekuiti untuk pelajar mendapat hak belajar terlaksana dengan adil.
- (d) Pelajar kurang ponteng kelas atau sekolah kerana pembelajaran diteruskan walaupun selepas musim peperiksaan, khususnya selepas peperiksaan akhir tahun.
- (e) Pelajar belajar dengan menggarap pelbagai pengalaman. Pada platform seperti inilah penggunaan bahasa kedua dan bahasa-bahasa lain dimantapkan.

Impak kepada guru

Antaranya adalah:

- (a) Guru lebih faham dan menerima PBS dengan lebih terbuka. Guru tidak lagi menganggap PBS sebagai beban tambahan kepada tanggungjawab sedia ada.
- (b) Guru berusaha untuk memilih peluang bagi melaksanakan PBS terhadap mata pelajaran masing-masing.
- (c) Guru-guru bekerjasama untuk berkongsi tenaga dan idea semasa melaksanakan aktiviti bagi memperluaskan peluang untuk mentaksir pelajar.
- (d) Guru banyak membimbing dan pelajar lebih banyak membuat menjadikan interaksi antara guru dan pelajar lebih kerap dan hubungan antara mereka lebih rapat.
- (e) Pengurusan PBS di sekolah menjadi lebih sistematik dan terancang.
- (f) Peranan GKMP dan Ketua Panitia di sekolah lebih berkesan.
- (g) Guru menganggap PBS adalah tanggungjawab semua.

Impak kepada sekolah

Sebagai sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP), setiap saat pelajar berada di sekolah merupakan waktu penting dan peluang untuk membangunkan pelajar aspek-aspek jasmani, emosi dan rohani seperti yang dinyatakan dalam FPK. Kini Malaysia

menuntut sistem pendidikannya melahirkan pelajar yang mempunyai enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap pelajar untuk berupaya bersaing di peringkat global, iaitu: berpengetahuan, menguasai kemahiran berfikir, mempunyai kemahiran memimpin, fasih menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa, beretika serta menghayati nilai kerohanian dan kental dengan identiti nasional (PPPM:2012).

Walaupun bagaimanapun, ibu bapa sering beranggapan bahawa proses pembelajaran tidak dilaksanakan selepas peperiksaan akhir tahun atau peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR). Dengan itu, telah menjadi satu fenomena biasa pihak sekolah menerima permintaan daripada ibu bapa dengan pelbagai alasan untuk membawa anak-anak mereka pulang bercuti awal pada hujung tahun. Fenomena ini juga telah mencetuskan budaya ponteng sekolah yang amat ketara di sekolah harian kerana perlakuan ponteng sekolah dihalalkan oleh sokongan daripada ibu bapa, sehinggakan aktiviti sekolah menjadi lumpuh selepas setiap kali musim peperiksaan tamat. Kolej Tunku Kurshiah telah berjaya mengubah persepsi yang sedemikian dan kini pengurusan pembelajaran pelajar berjalan tanpa banyak gangguan. Walaupun terdapat permintaan daripada ibu bapa untuk membawa anak pulang bercuti awal pada hujung tahun, namun para pelajar sendiri menolak untuk mengikuti program keluarga.

Antara impak terhadap sekolah adalah:

- (a) Sekolah tidak lagi perlu melayan permintaan daripada ibu bapa yang ingin membawa anak mereka pulang bercuti lebih awal sebelum cuti akhir tahun persekolahan.
- (b) Kehadiran pelajar yang baik sehingga hujung tahun persekolahan. Pelajar berusaha untuk mencapai band tertinggi bagi setiap satu mata pelajaran melalui keterlibatan dalam aktiviti yang mereka gemari.
- (c) Kerjasama dalam kalangan guru dan pelajar meningkat. Pelajar berlumba untuk mengemukakan evidens dan membantu memfailkan evidens masing-masing. Cara ini banyak meringankan beban kerja guru.
- (d) Program Selepas Peperiksaan Akhir Tahun merupakan program yang dinanti-nantikan oleh semua pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4. Ia lebih terurus dan penambahbaikan dibuat setiap tahun. Jadual pelaksanaan aktiviti selepas peperiksaan akhir tahun dikongsi bersama dengan pelajar dan ibu bapa.

- (e) Setiap pelajar terlibat dalam aktiviti kokurikulum yang direncanakan oleh sekolah termasuk dalam melaksanakan 1 Pelajar 1 Sukan. Melalui cara ini, sekolah dapat memastikan modal insan dalam kawalannya dapat dibangunkan dengan mantap.
- (f) Pelajar tidak lagi menggunakan alasan 'buku hilang' atau tidak hadir kerana 'sakit' apabila tidak menyiapkan kerja rumah. Ini adalah kerana evidens pencapaian pelajar terkandung dalam buku latihan dan tersimpan secara kumulatif. Kehilangan buku atau tidak hadir semasa pentaksiran bermaksud kehilangan atau ketiadaan evidens, dan kegagalan untuk mengemukakan evidens bermaksud pelajar tidak boleh diberi ganjaran pentaksiran yang sewajarnya. Oleh sebab pentaksiran berlangsung secara berterusan di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, maka pelajar mengelak daripada ponteng kelas atau ponteng sekolah.
- (g) Sekolah tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan tambahan untuk membeli kertas dan dakwat cetak bagi tujuan menyediakan kertas ujian atau lain bentuk pentaksiran bertulis.
- (h) Penggunaan sumber (sama ada sumber bahan atau sumber tenaga manusia) tidak meningkat kerana pengurusan pentaksiran hanya berubah dari segi pendekatan dan bukan dalam bentuk kuantiti pentaksiran yang dilaksanakan.
- (i) Penggunaan masa persekolahan dimanfaatkan sepenuhnya. Malahan, pelajar terus mendapat pembelajaran walaupun melangkaui waktu belajar rasmi dalam kelas.

CONTOH PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM DI KOLEJ TUNKU KURSHIAH

CONTOH 1

Dalam satu konteks mata pelajaran Sejarah Tingkatan Satu, pelajar diharapkan dapat menunjukkan semangat patriotisme terhadap negara dengan menghayati 'Zaman Kegemilangan Melaka'. Semua pelajar telah diberi tanggungjawab untuk mengadakan pertandingan drama antara kelas bagi tajuk tersebut. Semua pelajar dikehendaki bekerjasama dalam menjayakan tugas ini. Penglibatan pelajar mungkin dalam

bentuk penghasilan skrip, menjadi pengarah drama, menjadi pelakon, menjadi pegawai pencahayaan, mengawal 'sound system', menjadi jurusolek atau dalam menyediakan busana dan peralatan untuk pementasan. Masa untuk pementasan adalah dua puluh minit sahaja dan pelajar diberi masa dua minggu untuk membuat penyelidikan dan persediaan untuk pertandingan.

Bagi tujuan PBS, pelajar telah dimaklumkan lebih awal oleh guru Sejarah bahawa mereka akan ditaksir untuk ketepatan dan penghayatan fakta bagi mata pelajaran Sejarah, dan drama akan divideokan sebagai evidens PBS untuk Band 6. Sementara itu, guru Bahasa Melayu mengambil kesempatan untuk mentaksir penggunaan Bahasa Melayu dalam skrip drama yang ditulis, dan akan digunakan sebagai evidens. Oleh sebab drama berkenaan merupakan satu episod dalam zaman kerajaan Melayu Melaka, maka Bahasa Melayu yang digunakan mestilah Bahasa Melayu lama yang bersesuaian. Dalam kes ini, guru Sejarah terlibat dalam mengesahkan fakta sejarah yang dinyatakan dalam skrip drama, sementara guru Bahasa Melayu pula menyemak laras bahasa yang diguna dan kesesuaiannya dengan zaman kerajaan Melaka.

Oleh sebab penghasilan drama ini melibatkan semua pelajar bagi kelas masing-masing, maka wajar setiap pelajar ditaksir dan diberi wajaran yang tertinggi. Kaedah ini menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan pelajar dirangsang untuk menghayati perkara yang dipelajari.

CONTOH 2

Salah satu pengisian yang biasa dijalankan bagi Program Selepas Peperiksaan Akhir Tahun adalah lawatan. Walaupun ia merupakan satu cara untuk pelajar membuka mata dan minda, namun pengalaman semasa lawatan sebaiknya dimaterikan dalam bentuk evidens yang boleh disimpan dan ditaksir.

Apabila seorang guru mencadangkan untuk membawa pelajar melawat ke Bandaraya Melaka, saya telah mencadangkan untuk dimantapkan program lawatan berkenaan seiring dengan kehendak PBS. Saranan saya telah disambut baik oleh beberapa orang guru yang terlibat dengan lawatan dan hasilnya amat mengagumkan. Jadual 1 menunjukkan cadangan bagi beberapa mata pelajaran yang sesuai untuk dilaksanakan PBS semasa lawatan tersebut.

Jadual 1: Cadangan Mata Pelajaran untuk Pelaksanaan PBS

Mata Pelajaran	Tugasan	Evidens
Sejarah Band 6	Membuat laporan tentang pembinaan Kota A-Famosa	Laporan bertulis sejarah Kota A-Famosa
Pendidikan Seni Visual Band 6	Menghasilkan lakaran Kota A-Famosa	Catan Kota A-Famosa
Pendidikan Islam Band 6	Melaksanakan sembahyang jamak semasa dalam perjalanan ke Melaka dan menuliskan niat dan syarat-syarat sembahyang jamak.	Bahan penulisan bagi niat dan syarat sembahyang jamak
Bahasa Melayu Band 6	Menceritakan pengalaman melawat Melaka	Karangan
Sains Band 6	Menyedari dan menghayati kesan menebus guna tanah dari laut untuk mendirikan bangunan semasa melawat Mahkota Parade	Menuliskan pendapat berkaitan kesan tebus guna tanah dari laut.
Geografi Band 6	Menyedari bagaimana menebus guna tanah laut bagi mengubah bentuk peta Melaka	Perbincangan dan lakaran bentuk peta Melaka yang baharu

PENUTUP

PBS adalah program Kementerian Pelajaran Malaysia yang diharapkan dapat menghidupkan semula keseronokan belajar dalam kalangan pelajar. Di samping itu pelaksanaannya juga untuk mengurangkan fokus sekolah terhadap peperiksaan dan mengutamakan pembelajaran melalui pembelajaran dan pengajaran yang berkesan. Perubahan sememangnya sukar dan tidak digemari tetapi ia perlu jika dirasakan cara yang biasa sudah tidak berupaya memberikan impak yang diharapkan. Sehubungan dengan itu, Kolej Tunku Kurshiah cuba mengutarakan satu pendekatan untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dengan memanfaatkan setiap peluang yang terdapat di

sekolah, iaitu peluang yang boleh direncanakan untuk menjadikan setiap aktiviti (sama ada bercorak akademik atau bukan akademik) konteks terbaik untuk pembelajaran dan boleh ditaksir. Hasilnya, aktiviti kokurikulum bukan lagi menjadi musuh kepada pencapaian akademik, malah ia boleh menjadi penyokong kuat dalam usaha sekolah melahirkan modal insan yang cemerlang dan seimbang.

RUJUKAN

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan BIL.2/2011: Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan Bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) Mulai Tahun 2012.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013 – 2025.

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) MENJADI PEMANGKIN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN YANG BERKESAN DI SEKOLAH

**Oleh:
Anuar bin Sukiran
SMK Seri Alam 2
Johor Darul Takzim**

PENGENALAN

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.

Dalam aspek pengendalian dan pengurusan pula, PBS dilaksanakan di sekolah-sekolah secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan dikendalikan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas.

Komponen PBS pula, terdiri daripada Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum dan Pentaksiran Psikometrik.

Pada asasnya konsep PBS ini bukanlah sesuatu yang baharu, kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh guru di sekolah iaitu melalui kerja rumah, projek, kuiz, soal-jawab dan lain-lain lagi. PBS yang dilaksanakan ini juga merupakan penambahbaikan kepada pentaksiran yang sedia ada di sekolah dengan memperkenalkan pentaksiran rujukan standard dan yang lebih utama, pelaksanaan PBS ini adalah seiring dengan program transformasi negara untuk menghasilkan modul insan bertaraf dunia.

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN PBS DI SMK SERI ALAM 2, JOHOR

Latar Belakang Sekolah

SMK Seri Alam 2, Johor merupakan sebuah sekolah di kawasan perindustrian Pasir Gudang, Johor yang sangat pesat membangun. Sekolah ini mempunyai jumlah pelajar 1562 orang murid yang terdiri daripada pelajar berbilang kaum. PBS ini dilaksanakan bagi murid-murid di tingkatan 1 berjumlah 404 orang murid.

Status Pelaksanaan PBS di Sekolah

Pada asasnya pelaksanaan PBS di sekolah berjalan dengan lancar, tiada masalah besar timbul dan dilaksanakan mengikut prosedur pengurusan dan pengendalian yang ditetapkan. Guru-guru memahami dasar PBS melalui penataran dan pengembangan oleh Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Gudang dan Jabatan Pelajaran Johor. Manakala ibu bapa dan PIBG memahami dan menerima PBS ini melalui surat-surat pemberitahuan, sesi taklimat dan program-program yang secara tidak langsung seperti Mesyuarat Agung PIBG dan Hari Terbuka Sekolah.

PROGRAM-PROGRAM MENJAYAKAN PBS DI SEKOLAH

Pengetua Adalah Pengurus Sekolah

Pengetua mempunyai peranan yang besar dalam menjayakan dasar PBS ini. Kekuatan pengetua adalah menjadi penggerak dan pengurus yang berkesan ke arah pencapaian matlamat program ini. Pengetua bukan sahaja berperanan sebagai pemberi semangat dan harapan sahaja tetapi menggembeleng segala sumber memastikan kejayaan pelaksanaan PBS di sekolah:

- a) Pengetua memahami dasar sepenuhnya;
- b) Pengetua melaksanakan program kesedaran dan penerimaan;
- c) Pengetua menyediakan infrastruktur yang diperlukan;
- d) Pengetua melaksanakan penjaminan kualiti;
- e) Pengetua mendapatkan maklumat baharu;
- f) Pengetua melaksanakan program *coaching* dan *mentoring*, dan
- g) Memastikan pelaksanaan yang terbaik.

Program Memahami dan Mematuhi Dasar PBS

Pengetua mesti memastikan semua warga sekolah terutama anggota pelaksana seperti kumpulan pentadbir, guru-guru tingkatan 1, pelajar, ibu bapa dan PIBG memahami dasar dengan tepat dan akhirnya menerima dasar ini dengan baik, termasuklah:

- a) Aspek pelaporan;
- b) Penggunaan band;
- c) Eviden dan instrumen;

- d) Standard prestasi;
- e) Pentaksiran formatif dan sumatif, dan
- f) Sistem SPPBS.

Pemahaman yang jelas berkaitan konsep dan komponen dalam PBS ini penting bagi memastikan anggota pelaksana dapat melaksanakan PBS ini dengan hati terbuka dan tidak menolak dasar yang ditetapkan.

Program Pembudayaan PBS

Program Pembudayaan PBS ini adalah satu program menyebarkan program ini kepada anggota pelaksana dan pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Program ini bertujuan agar semua pihak menerima maklumat mengenai dasar baharu ini dengan jelas dan tidak sewenang-wenangnya menolak program berkenaan. Antara program yang dilaksanakan di sekolah ialah:

- a) Memberikan taklimat kepada guru-guru dan pentadbir;
- b) Memberikan taklimat kepada semua murid dan ibu bapa;
- c) Menyampaikan maklumat kepada rangkaian jalinan dan jaringan sekolah seperti pihak polis, NGO dan anggota penguatkuasaan sekolah;
- d) Menyampaikan maklumat kepada PIBG dan menjadikan PIBG sebagai pengarah dan pemangkin kepada penerimaan ibu bapa, dan
- e) Menyebarkan maklumat kepada wakil rakyat, komuniti serta kelab dan persatuan yang terlibat di sekolah.

Kaedah yang digunakan oleh sekolah bagi program kesedaran dan penerimaan ini adalah melalui kain rentang, *bunting*, surat-surat pemberitahuan, pamflet, taklimat, ceramah, ucapan dan perbengkelan, sudut PBS dan laluan PBS.

Program Penyediaan Prasarana Sekolah

Bagi menjayakan program PBS ini, pihak sekolah telah memberikan sokongan yang baik kepada penyediaan prasarana PBS yang mencukupi. Peranan ini merupakan program sokongan bagi membina semangat guru-guru melaksanakan PBS di sekolah. Antara Prasarana yang telah disediakan di sekolah adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Prasarana untuk Pelaksanaan PBS di Sekolah

Bil	Prasarana	Kegunaan
1.	Bilik PBS	Bilik penyimpanan fail perkembangan murid dan operasi PBS
2.	Sudut PBS / laluan PBS	Menjadi sudut informasi dan maklumat baharu berkaitan PBS
3.	Fail perkembangan murid	Menyimpan evidens terbaik pelajar
4.	Fail <i>showcase</i>	Menyimpan evidens terbaik sekolah
5.	Bilik darjah yang kondusif	Pembelajaran yang berkesan
6.	Bahan-bahan dan dokumen PBS	Penyediaan instrumen dan evidens pelajar Fail-fail pengurusan

Dalam pelaksanaan PBS, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan sangat diperlukan. Ini kerana matlamat PBS adalah untuk mendapatkan maklumat prestasi pelajar semasa pembelajaran dan pengajaran dijalankan. Oleh itu, pembelajaran dan pengajaran yang berkesan amat diperlukan bagi menjayakan program PBS di sekolah.

Matlamat pembelajaran dan pengajaran berkesan pula ialah pembelajaran dan pengajaran yang dapat menghidupkan harapan, menyemarakkan imaginasi dan menggalakkan keseronokan serta matlamat dan objektif pembelajaran dan pengajaran yang ditetapkan dapat dicapai dan dikuasai oleh pelajar.

Dengan dua kesefahaman objektif PBS dan PdP yang saling melengkapi ini, maka PBS sebenarnya dapat menyemarakkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.


PROSES PENTAKSIRAN PBS DALAM PdP

a) Dokumen Pentaksiran PBS dalam PdP

Jadual 3: Dokumen PBS dan Kegunaannya

Bil	Dokumen PBS	Kegunaan
1.	HSP/KBSM	Standard Kurikulum
2.	Dokumen Standard Prestasi	Standard dan rujukan pentaksiran
3.	Instrumen	Alat menilai / mentaksir
4.	Evidens	Instrumen yang telah di semak / di taksir
5.	SPPBS	Sistem kemasukan markah PBS dan pelaporan
6.	Pelaporan	Cetakan laporan prestasi
7.	Fail perkembangan murid / Fail <i>showscase</i>	Menyiapkan evidens yang terbaik murid / sekolah.

b) Carta Aliran proses pentaksiran dalam pembelajaran dan pengajaran



Rajah 2: Carta Aliran Proses Pentaksiran Pembelajaran dan Pengajaran

KAEDAH PBS YANG BOLEH MENYEMARAKKAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN BERKESAN

Pentaksiran untuk Pembelajaran (*Assessment For Learning*)

Assessment for learning adalah satu kaedah untuk memastikan semua murid dapat mencapai objektif pembelajaran dan pengajaran yang ditetapkan. Melalui kaedah ini para murid yang masih belum mencapai sesuatu band yang ditetapkan dalam sesuatu topik perlu melalui pembelajaran semula bab atau topik yang diajar. Pelajar berkenaan akan ditaksir semula menggunakan instrumen yang ditetapkan bagi mendapatkan maklumat prestasi pelajar-pelajar berkenaan.

Dalam PBS, *assessment for learning* merupakan satu komponen yang penting dan perlu dikuasai oleh guru-guru bagi memastikan semua murid di kelasnya dapat mencapai dan meningkatkan pencapaian band prestasi yang ditetapkan dan yang lebih penting pelajar dapat menguasai isi kandungan mata pelajaran serta dapat mencapai objektif pembelajaran dan pengajaran yang ditetapkan.

Dapatan di dalam kelas Rancangan Khas 1, mendapati kaedah *assessment for learning* telah mampu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melalui:

- a) Maklumat prestasi pelajar yang diperoleh melalui PBS dapat mengesan tahap penguasaan pelajar dan membolehkan guru memantau perkembangan pelajar yang masih belum mencapai band yang ditetapkan;
- b) Pelajar yang lemah dan belum mencapai band yang disasarkan bagi membolehkan pelajar berkenaan diajar semula ataupun memberikan nota ringkas untuk diulangkaji dan ditaksir semula bagi memastikan band tertinggi dapat dicapai;
- c) Maklumat prestasi pelajar melalui PBS juga boleh digunakan oleh guru mata pelajaran untuk membuat penambahbaikan dalam kaedah pembelajaran yang berkesan;
- d) PBS juga boleh menggalakkan guru untuk mengubah kaedah atau instrumen pentaksiran mengikut kemampuan pelajar. Guru-guru tidak terikat dengan satu bentuk ujian dan latihan yang menyukarkan pelajar, dan
- e) *Assessment for learning* juga mampu menggalakkan guru-guru menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam pembelajaran dan pengajaran serta pentaksiran.

PBS Menggalakkan PdP Guru Yang Kreatif Dan Inovatif

PBS menggalakkan guru-guru menggunakan pelbagai cara atau kaedah semasa mentaksir pelajar. Malahan guru-guru disarankan supaya sentiasa kreatif dan inovatif serta dapat menimbulkan keseronokan dalam kalangan murid semasa PBS dijalankan.

Kaedah pentaksiran guru yang kreatif dan inovatif serta menyeronokkan murid ini mampu menyemarakkan pembelajaran dan pengajaran berkesan di sekolah. Kaedah-kaedah pentaksiran yang kreatif ini termasuklah;

- a) Guru-guru menggunakan pelbagai jenis instrumen PBS yang menarik dan merangsang murid;
- b) Melaksanakan pentaksiran di pelbagai lokasi yang bersesuaian dan tidak terhad di bilik darjah sahaja;
- c) Mempelbagai kaedah pentaksiran seperti latihan, kuiz, lembaran kerja, projek ujian, dan kerja rumah, dan
- d) Guru-guru menggunakan pelbagai medium pentaksiran semasa mentaksir seperti penggunaan ICT, bahan rangsangan, komputer, lakonan dan persembahan.

Pelaporan PBS Menggunakan Rujukan Standard Menggalakkan Persaingan Sihat Dalam Kalangan Pelajar

Dalam PBS, pentaksiran setiap pelajar adalah menggunakan pentaksiran Rujukan Standard iaitu, menggunakan Standard Prestasi untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (*growth*) pembelajaran atau pencapaian prestasi seseorang murid. Pelaporan ini merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen standard.

Dapatan daripada kelas RK 1, mendapati murid menunjukkan persaingan yang sihat dalam kelas untuk bersaing mencapai band yang tertinggi dalam semua mata pelajaran. Para murid juga mudah memahami peraturan yang disediakan oleh guru dan ini menggalakkan para murid memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran di bilik darjah. Di samping itu, setiap pelajar yang ingin mencapai band yang tertinggi mestilah telah dapat mencapai band-band yang rendah. Dengan ini, para murid perlulah menguasai pembelajaran bagi setiap bab atau topik dengan bersungguh-sungguh agar kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran dapat ditingkatkan.

PBS Menggalakkan Keterampilan Murid

Dalam PBS, setiap murid yang ingin mencapai tahap band 6 mestilah menjadi contoh atau mithali kepada pelajar-pelajar lain. Keperluan ini akan menyebabkan para pelajar akan berusaha untuk membuat persembahan dan berani ke hadapan kelas untuk membuat pembentangan hasil kerja mereka.

Hasil dapatan di kelas mendapati para pelajar dapat menunjukkan keterampilan mereka dengan membuat persembahan daripada hasil kerja kumpulan atau individu di hadapan kelas. Bagi memperoleh band 6 juga para pelajar sentiasa mencari maklumat baharu secara kreatif sama ada menggunakan internet atau penyelidikan secara ilmiah. Kaedah ini menghasilkan pembelajaran yang bersifat inkuiri dan berdikari manakala guru hanya bertindak sebagai fasilitator di kelas. Pencarian ilmu akan berlaku secara fokus antara guru dan murid serta dengan ini pencapaian objektif pembelajaran dan pengajaran dapat dicapai dengan berkesan.

Pentaksiran Dilakukan Pada Bila-Bila Masa yang Sesuai

Dalam PBS, pentaksiran dijalankan hanya setelah murid-murid telah bersedia iaitu sama ada selesai sesuatu bab atau topik yang dipelajari. Dalam hal ini, pentadbiran akan menjadi fleksibel, mudah dan tidak memberi tekanan kepada murid.

Dapatan daripada pemerhatian mendapati murid-murid sentiasa bersedia dan memberikan tumpuan semasa pembelajaran dan pengajaran dijalankan agar mereka dapat menguasai topik atau bab yang dipelajari. Mereka yang memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran pasti akan dapat menjawab pentaksiran dengan mudah dan akhirnya dapat memperoleh band yang tertinggi. Pentaksiran yang diadakan pada bila-bila masa ini dapat melahirkan guru-guru yang kreatif dan inovatif dalam pembelajaran dan pengajaran.

PBS Menggalakkan Murid Memberikan Tumpuan Baik kepada PdP

Pelaksanaan PBS yang memberikan tumpuan kepada perkembangan potensi dan prestasi murid dalam pembelajaran akan menyediakan suasana untuk pelajar memberikan tumpuan baik terhadap PdP dan sentiasa bersedia untuk melaksanakan pentaksiran dari semasa ke semasa. Dengan ini secara tidak langsung program PBS mampu meningkatkan tumpuan dan perhatian murid terhadap pengajaran guru di kelas. Tumpuan murid terhadap pengajaran guru ini adalah diasaskan kepada aktiviti PBS yang menarik dan menggalakkan murid supaya sentiasa bersedia dari masa ke semasa. Tumpuan murid

menjadi lebih baik semasa PdP selepas pelaksanaan PBS kerana:

1. Murid merasa tidak boleh ketinggalan dalam PdP dan pentaksiran;
2. Murid menganggap semua latihan, kuiz, lembaran kerja, projek dan kerja rumah adalah penting dan diambil kira untuk pelaporan;
3. Murid sentiasa berusaha untuk cemerlang dalam semua bidang, dan
4. Kehadiran murid ke sekolah meningkat kerana mereka menganggap tidak boleh ketinggalan dalam PdP dan pentaksiran yang dilaksanakan guru.

PBS Menggalakkan Guru Sentiasa Bersedia dengan Perancangan PdP yang Baik

Dalam pelaksanaan PBS semasa PdP, guru-guru akan sentiasa kreatif dan menyediakan perancangan pembelajaran yang baik dan instrumen pentaksiran. Kecenderungan guru-guru untuk bersedia dengan perancangan PdP dan pentaksiran yang baik ini mendorong kepada suasana pembelajaran yang dapat mencapai objektif PdP di dalam kelas. Keadaan ini menjadikan aktiviti di dalam kelas sentiasa menarik dan sentiasa mempunyai kolaboratif antara PBS dan PdP. Program-program panitia juga semakin profesional dengan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti perbengkelan penyediaan instrumen, pementoran dan penyelarasan PBS. Ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan guru-guru dalam pentaksiran. PBS juga terbukti mampu membina hubungan baik antara murid dengan guru dan saling pergantungan antara satu sama lain. Tidak mustahil Program Guru Dikasihi, Murid Disayang akan mudah terlaksana.

PBS Memastikan Rekod Perkembangan Murid Sentiasa Kemas Kini

Salah satu aspek penting dalam memastikan objektif PdP tercapai adalah melalui rekod perkembangan murid. Rekod ini penting bagi memastikan ibu bapa, murid dan guru dapat membuat pemantauan perkembangan dan kemajuan murid dari masa ke semasa, dan yang lebih penting rekod perkembangan murid ini boleh diakses oleh ibu bapa dari semasa ke semasa.

Dalam PBS, rekod perkembangan prestasi murid diberikan penekanan dan keutamaan iaitu dalam penyediaan Fail Perkembangan Murid yang dikemaskini dan penggunaan aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Dengan ini, objektif pembelajaran akan dapat dicapai oleh guru dan murid kerana perkembangan

prestasi murid dapat digunakan sebagai pemantauan pencapaian dan perkembangan murid di kelas. Aktiviti *assessment for learning* akan sentiasa subur dan dihidupkan di kelas untuk meningkatkan pencapaian pelajar.

PBS Satu Pentaksiran yang Baik Di Sekolah

Pelaksanaan PBS yang dilaksanakan sehingga kini telah menerima pelbagai maklum balas dan reaksi yang positif dan ada juga yang negatif. Kebanyakan maklum balas yang negatif adalah berpunca daripada kelemahan pemahaman dan kesukaran untuk menerima suatu dasar yang baharu.

Namun begitu, apabila dasar ini telah diterima dan dilaksanakan dengan berkesan, maklum balas yang diterima oleh pelbagai pihak yang berkepentingan agak positif, antaranya:

1. Maklum balas Guru

- Guru-guru mendakwa kurang beban guru kerana tidak melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan peperiksaan setengah tahun dan akhir tahun.
- Murid memberikan tumpuan baik dalam PdP
- Proses PdP dan pentaksiran berjalan serentak
- Prestasi murid sentiasa dipantau

2. Maklum balas ibu bapa

- Ibu bapa mendakwa PBS adalah seperti pentaksiran di luar negeri
- Ibu bapa dapat mengetahui prestasi anak dengan tepat pada bila-bila masa
- Murid-murid sentiasa bersedia untuk PdP
- Ibu bapa mendakwa PBS adalah seperti pembelajaran di matrikulasi atau di pra universiti
- Perkembangan anak-anak dapat diperoleh secara holistik

3. Maklum balas Murid (Kelas Rancangan Khas)

- Murid tidak boleh ketinggalan dalam PdP dan pentaksiran
- Murid menganggap semua latihan atau pentaksiran adalah penting
- Persaingan yang sihat mengejar band tertinggi
- Kehadiran ke sekolah meningkat
- Murid berusaha untuk lebih berketerampilan dan sentiasa berusaha untuk cemerlang

PENUTUP


Pelaksanaan PBS merupakan satu dasar yang berorientasikan kepakaran guru untuk mengesan, menilai, mentaksir dan melapor prestasi murid secara menyeluruh sama ada dalam bidang akademik dan bukan akademik. PBS dirancang dan ditadbir dengan sangat teliti oleh Kementerian Pelajaran Malaysia agar dasar ini apabila dilaksanakan mempunyai kebolehdurusan dan kebolehanpercayaan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa, kumpulan pelaksana dan kumpulan yang berkepentingan. Ternyata cabaran pelaksanaan PBS sangat besar terutama berkaitan penerimaan dan pemahaman dasar baharu ini. Guru-guru yang menjadi barisan hadapan dalam pelaksanaan ini diakui sentiasa komited dan berusaha bersungguh-sungguh memahami dan mematuhi dasar ini. Alhamdulillah, PBS yang dilaksanakan di tingkatan satu yang telah berjalan hampir sembilan bulan ini dapat dijalankan mengikut takwim, prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

Bibliografi

- Hussein Mahmood. (1993). *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Dasar-dasar Kementerian Pelajaran Malaysia: *Soalan-soalan lazim*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya.
- Pusat Perkembangan kurikulum. (2001). *Kepimpinan dan Pengurusan Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur.

INTERAKSI PESERTA

Bahagian II buku ini merupakan interaksi peserta yang mempunyai persoalan-persoalan berkaitan dengan kertas-kertas kerja yang dibentangkan. Semua isu yang dilontarkan dijelaskan berserta dengan cadangan penambahbaikan. Kebanyakan persoalan lebih menjurus kepada proses dan pelaksanaan PBS di sekolah dan diberi penjelasan berkaitan dengannya.




INTERAKSI PESERTA

KERTAS PEMBENTANGAN	ISU	CADANGAN
Ucaptive 1 Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif	Persediaan pemimpin dan guru dalam pelaksanaan PBS belum sepenuhnya;	Penerimaan PBS dalam kalangan pemimpin dan guru kini berada dalam tahap <i>storming</i> dan akan mengambil sedikit masa untuk memahami pelaksanaan PBS.
	Masih terdapat pihak yang menuntut pihak sekolah memberikan peperiksaan dan juga menitik beratkan peperiksaan sebagai pencapaian sekolah, contohnya Baiah (new deal)	Pihak sekolah perlu faham bahawa PBS adalah hak kepunyaan sekolah itu sendiri. PBS merupakan satu proses dan melibatkan penilaian formatif. Pelaksanaannya mesti mendatangkan faedah kepada murid dan dapat menunjukkan terdapat perbezaan sebelum dan selepas PBS. Ini adalah berbeza dengan peperiksaan pusat yang lebih merupakan produk akhir dan penilaian sumatif.
	Mekanisme yang patut dilakukan oleh guru dalam memberikan band kepada murid bagi setiap satu topik kerana banyak kertas telah digunakan;	PBS lebih memberi tumpuan kepada pertumbuhan (growth) pembelajaran murid manakala peperiksaan lebih kepada output. Semua murid berhak mendapat layanan taksir dirinya ke Band 6. Pada masa yang sama, murid boleh mentaksir kawan dan ditaksir oleh kawan. Oleh itu, semua murid perlu memahami setiap evidens dan deskriptor kerana murid sendiri yang merekodkan evidens. Guru merupakan fasilitator dan hanya melihat graf pertumbuhan pembelajaran murid. Sekiranya seseorang murid mendapat Band 2 dan kawannya mendapat Band 5, maka murid tersebut perlu berusaha supaya bandnya naik. Kawan pula boleh membantu murid tersebut untuk mendapatkan band yang lebih baik dalam kelas.

KERTAS PEMBENTANGAN	ISU	CADANGAN
	Guru terlalu terikat dengan band dan menyebabkan kehilangan kejatan mengajar di dalam bilik	Band menjadi petunjuk peningkatan prestasi seseorang murid. Dalam konteks PBS, guru perlu faham tentang pentaksiran berasaskan standard, iaitu standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Dengan itu, guru perlu merancang pembelajaran dalam bilik darjah dengan baik, iaitu 20 minit untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran, 10 minit pentaksiran dan 10 minit perbincangan.
Ucaptive 2 Konsep dan Pelaksanaan PBS Dalam Transformasi Pentaksiran	Apakah hala tuju Lembaga Peperiksaan (LP) kerana murid menghimpun band tetapi sampai tahun 6 masih ada UPSR pada tahun 2016. Walaupun di sekolah rendah terdapat panduan yang mengatakan 40% daripada PBS dan 60% peperiksaan pusat mulai 2016. Hal ini menimbulkan kerisauan tentang mekanisme dan wajaran yang akan digunakan oleh LP apabila hendak mencampurkan band dan markah peperiksaan UPSR pada tahun 2016. Melalui pencapaian dalam band tertinggi, adakah ini akan menjadi syarat diterima ke Sekolah Berasrama Penuh.	Semua Band mempunyai Deskriptor dan murid akan diberikan satu laporan komprehensif apabila sampai ke Tahun 6. Peperiksaan Pusat (PP) dibuat untuk memastikan kesamarataan di antara pentaksiran PBS dengan pencapaian. Untuk menyederhanakan (<i>moderate</i>) dengan skor yang diperoleh oleh pelajar dalam Peperiksaan Pusat. PBS bukannya bertujuan untuk pemilihan ke Sekolah Berasrama Penuh.

KEPERKAWANAN	ISU	CADANGAN
Kertas Kerja Pentaksiran Berasaskan Sekolah Melalui Aktiviti Kokurikulum	Kerisauan tentang wajaran untuk dibawa ke Tingkatan Tiga sebab Tingkatan Satu terdapat 10 mata pelajaran, setiap mata pelajaran ada 10 topik dan 6 Band.	Isu wajaran diserahkan kepada LP. Apa yang dapat dilakukan sekarang ialah bekerja mengikut tahap masing-masing dan merujuk kepada kriteria atau rujukan norma. Pelaksanaan PBS sama ada sumatif atau formatif, ianya harus bersesuaian dengan Dokumen Standard Prestasi (DSP) yang ditetapkan. matlamat sekolah ialah membangunkan potensi pelajar. Jika menggunakan ujian untuk setiap band, kita akan meletak pelajar dalam aspek yang sama yang bertentangan dengan potensi murid atau PBS. Guru harus memikirkan bagaimana membangunkan seseorang murid sehingga ke Band 6 mengikut kemampuan murid tersebut yang tidak semestinya sesuai untuk semua murid.
Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Menjadi Pemangkin Pembelajaran dan Pengajaran yang Berkesan di Sekolah		Perlu menanda apabila murid dapat menjawab dan melepasi sesuatu standard. Sistem yang akan membuat pengiraan di penghujungnya.



WACANA FORUM: ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN PBS

Bahagian ini akan mengupas berkaitan dengan Wacana forum iaitu satu bentuk perbincangan yang menyentuh tentang isu dan cabaran pelaksanaan PBS, peranan PPD serta wajaran dalam PBS untuk UPSR dan PMR. Selain itu perbincangan juga berkisar kepada isu aplikasi SPPBS bagi memasukkan data pencapaian murid ke dalam sistem. Sesi ini juga memberi ruang kepada peserta untuk berinteraksi dengan ahli forum, dengan mengemukakan cadangan dan soalan.



WACANA FORUM: ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN PBS

WACANA 1

Ahli panel forum pertama Pn. Hj. Norzila bt. Mohd Yusof, daripada Lembaga Peperiksaan (LP), KPM telah menjelaskan bahawa PBS mula dilaksanakan di sekolah rendah pada tahun 2011 dan sekolah menengah pada tahun 2012. Terdapat empat komponen dalam PBS, iaitu: akademik, bukan akademik, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan psikometrik.

Dua kumpulan Juru Latih Utama (JU), iaitu: JU Kebangsaan (JUK) khas untuk membantu guru membina Dokumen Standard Prestasi (DSP) dan JU untuk PAJSK yang menggunakan guru-guru sukan telah diwujudkan. Juru Latih Utama ini dicadangkan oleh JPN dan PPD. Semua JU telah diberikan taklimat penataran.

LP telah melantik Juru Latih Kebangsaan bagi melaksanakan penataran PBS kepada guru-guru Tingkatan 2. Penataran guru-guru Tingkatan 1 telah tamat pada bulan Mac 2012. Dari segi pengoperasian PBS, terdapat beberapa pihak terlibat dalam sistem ini iaitu SU peperiksaan, PAJSK (dibangunkan secara *standalone*) dan Pentaksiran Sekolah. Dari segi penataran, LP telah menatarkan seramai 1,780 orang guru dalam Pentaksiran Sekolah bagi semua 21 mata pelajaran; manakala bagi sistem SPPBS seramai 2,542 orang dan PAJSK adalah seramai 4,123 orang yang terdiri daripada Penolong Kanan dan Setiausaha Kokurikulum.

Selain itu, beliau juga telah membangkitkan isu-isu seperti:

1. Guru-guru masih tidak jelas tentang pelaksanaan PBS
Menurut beliau, Pentaksiran Sekolah perlu berdasarkan Dokumen Standard Prestasi (DSP) manakala pengajaran berdasarkan Standard Kurikulum. Bagi tujuan PBS, guru hendaklah menggunakan pelbagai instrumen.
2. Keperluan menjalankan ujian di sekolah
Menurut beliau, ia bergantung kepada pelaksana itu sendiri. Jika pelaksana ingin melihat perkembangan murid (*students's growth*) maka Ujian Rujukan Standard perlu diadakan. Jika pelaksana ingin melihat kepada pencapaian murid maka sekolah boleh melaksanakan Ujian Rujukan Norma seperti SPM dan PMR.
3. Faktor pemimpin sekolah
Menurut beliau, adalah tidak wajar jika pengetua bertanya kepada guru-guru

tentang bilangan murid mengikut pencapaian band. Sebaliknya, pengetua perlu mengambil tahu tentang pelaksanaan Pentaksiran Sekolah yang betul, memantau status pelaksanaan dan penguasaan standard murid.

4. Faktor guru

Menurut beliau, guru memang mahir dalam membina Evidens berbentuk item peperiksaan. Walau bagaimanapun, dalam kes PBS guru perlu didedahkan dengan pelbagai jenis instrumen pentaksiran. Guru perlu faham bahawa pentaksiran adalah proses dan bukannya '*end product*'.

WACANA 2

Ahli panel forum kedua, En. Md Yassin b. Daud daripada PPD Mersing Johor telah berkongsi pengalaman tentang peranan dan tugas PPD dalam tiga peringkat, iaitu sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan PBS.

Beliau menjelaskan bahawa wajaran UPSR ialah 40% PBS dan 60% Peperiksaan Pusat yang dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2016 manakala wajaran bagi PMR ialah 100% Peperiksaan Pusat yang akan dilaksanakan pada 2012 hingga 2014.

Sebelum pelaksanaan PBS, PPD perlu menguruskan segala maklumat seperti dasar dan konsep PBS, surat pekeliling, surat siaran, surat arahan, Dokumen Standard Kurikulum (DSK), Dokumen Standard Prestasi (DSP), Modul pembelajaran dan pengajaran, dan modul pengurusan. Persiapan lain yang dilakukan ialah pengagihan tugas sumber manusia di PPD. Selain itu, PPD merancang dan menyediakan pelan dan jadual taklimat.

Semasa pelaksanaan PBS, PPD juga turut terlibat dengan tiga tugas iaitu memberikan taklimat kepada ibubapa, guru, pentadbir; melakukan kerja pementoran iaitu JU dipilih untuk membimbing sekolah dan menjalankan pemantauan.

Selepas pelaksanaan PBS, PPD turut menjaga penggunaan aplikasi SPPBS bagi menangani isu-isu masalah pengurusan murid dan masalah semasa menggunakan sistem SPPBS seperti hilang kata laluan, silap *key-in*, murid bertukar dan sebagainya. PPD juga turut terlibat dengan memantau laporan pencapaian PBS melalui laporan pencapaian semasa dan pemantauan pencapaian daerah. PPD juga terlibat dalam penjaminan kualiti evidens dan instrumen supaya menepati DSP.

WACANA 3

Ahli panel forum ketiga, En. Maslan b. Buniran telah berkongsi pengalaman tentang peranan pengetua dalam mengoperasikan PBS supaya sempurna. Beliau menjelaskan bahawa pada dasarnya sekolah menerima pelaksanaan PBS tetapi ianya dijalankan secara berperingkat-peringkat di sekolah.

Beliau bersetuju bahawa memang berlaku ketirisan maklumat di sekolah daripada pentaksiran biasa kepada PBS dan salah faham tentang pelaksanaan pentaksiran sumatif dan pentaksiran formatif. Cabaran lain yang dihadapi ialah persoalan tentang keperluan peperiksaan di sekolah, GPK Pentadbiran yang belum lagi mendapat input PBS di sekolah, dan isu penyampaian maklumat kepada guru-guru dan masyarakat.

Menurut beliau, isu guru tidak faham tentang konsep PBS ada kaitan dengan kajian yang mengatakan guru berhenti membaca selepas ijazah pertama. Oleh itu, pengetua harus memainkan peranannya dalam menyampaikan maklumat kepada semua guru. Ini termasuk perbezaan antara penilaian dan pentaksiran, isu berbeza antara sekolah, konsep pentaksiran dalam konteks sekolah.

INTERAKSI PESERTA DENGAN AHLI FORUM

Bagi sesi Forum yang soalan telah dikemukakan oleh peserta kolokium adalah seperti berikut:

1. **Seorang peserta daripada Pulau Pinang berharap isu-isu PBS dapat ditangani supaya ia tidak akan menjadi seperti PPSMI yang telah mati akibat desakan kumpulan pendesak.**

Pn. Hj. Norzila menjelaskan bahawa LP tidak menanggukkan sebarang isu yang dikemukakan oleh guru berkaitan PBS. Contohnya, rungutan guru mengenai kemasukan pencapaian murid pada waktu malam akan diselesaikan dengan pendekatan *hosting* SPPBS baharu yang bakal digunakan pada Oktober 2012. LP mengharapkan pentadbir sekolah membantu guru-guru yang kurang mahir membina item pentaksiran semasa cuti sekolah. Pn. Hj. Norzila juga menerangkan bahawa LP sedar memang wujud kurangnya sokongan daripada pentadbir, namun PBS merupakan dasar sedia ada yang tidak akan digugurkan sebaliknya akan sentiasa ada penambahbaikan.

2. **Pn. Mazmin menimbulkan isu wujudnya percanggahan penyataan Hjh. Norzila dengan pembentang Kolokium dengan mengambil contoh rumusan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.**

Pn. Hjh. Norzila menjelaskan bahawa memang ada mata pelajaran yang berbentuk 'hierarchy based' dan 'growth based'. Dengan itu, penggunaan satu instrumen sahaja adalah dibolehkan bagi domain mata pelajaran Sains di mana murid boleh mendapat berbagai-bagai band dari band 1 hingga 6. Mata pelajaran Sivik atau Kewarganegaraan pula adalah mengikut perlakuan.


3. **En. Razak Rahim daripada IAB mencadangkan supaya LP mencari kaedah atau mekanisme yang sesuai seperti pameran, kolaborasi, dan forum untuk menyebarkan dan menjelaskan pelaksanaan PBS kepada semua pihak.**

Pn. Hjh. Norzila bt. Mohd Yusof, Lembaga peperiksaan memaklumkan bahawa memang KPM ada usaha mempromosikan PBS bagi memberi kefahaman kepada khalayak seperti mengadakan ruangan sisipan di surat khabar Berita Harian dan The Star. KPM juga berusaha memberi penjelasan melalui pendekatan *micro teaching* dan usahasama dengan BTP, Astro, dan MHI TV3.

4. **Pn. Hanizah bt Hamzah daripada Puchong telah menimbulkan isu seperti:**
 - a) maklumat diterima oleh guru dan pentadbir daripada JU adalah berbeza kerana menghadiri taklimat PBS pada masa yang berlainan.
 - b) kejelasan tentang perkara-perkara seperti peperiksaan, kewangan, kekurangan guru, dan kekurangan kelas.
 - c) satu instrumen yang sama diberi kepada sekolah baik daripada PPD mahu pun daripada pihak Nazir (JNJK).

Menurut En. Yassin, isu pengetua atau GPK yang belum mendapat taklimat tentang PBS tidak sepatutnya berlaku. Beliau menggalakkan pengetua mengadakan kursus dan menjemput pihak yang berkaitan untuk membantu. Contohnya IAB ada mengendalikan kursus PBS untuk pemimpin sekolah. Bagi menangani masalah kecairan maklumat, beliau meminta supaya pengetua mendapatkan maklumat daripada punca yang betul seperti PPD. Isu guru ganti perlu menggunakan instrumen yang sewajarnya. Beliau bersetuju mengongsikan instrumen dengan sekolah yang berminat melalui alamat e-mel yassin.eds@gmail.com.

Pn. Hjh. Norzilah menekankan bahawa kepelbagaian instrumen digunakan dalam pelaksanaan PBS. Untuk membuktikan pencapaian murid, beliau berpendapat murid itu sendiri adalah evidens yang terbaik untuk ditunjukkan kepada ibu bapa. Walau bagaimanapun, LP telah dan sedang mengadakan mesyuarat penataran instrumen penjaminan kualiti yang melibatkan JPN, PPD dan JNJK. Beliau juga mencadangkan guru yang akan cuti bersalin supaya menyediakan instrumen tiga bulan lebih awal. Dengan itu, guru ganti boleh mengambil alih tugas semasa ketiadaan guru tersebut.



**KEBERKESANAN
KOLOKIUUM PENGURUSAN
PENTAKSIRAN BERASASKAN
SEKOLAH 2012**

Bahagian ini akan membincangkan secara terperinci berkaitan dengan keberkesanan kolokium melalui borang maklum balas yang telah dijawab oleh para peserta. Borang maklum balas ini diedarkan bertujuan untuk menilai keberkesanan kolokium dan mendapatkan maklumat demografi peserta. Melalui dapatan yang diperoleh penambahbaikan boleh dilakukan untuk melancarkan perjalanan kolokium dan pengisiannya melalui forum, kertas kerja dan sebagainya.



KEBERKESANAN KOLOKIUUM PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

PENDAHULUAN

Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2012 yang dilaksanakan pada 18 -20 September 2012 ini telah dihadiri seramai 153 orang peserta. Semua peserta kolokium yang hadir telah diberikan borang penilaian kolokium. Bagi menghargai dan menggalakkan peserta kolokium memberikan maklum balas, buku Prosiding Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah diberikan kepada peserta yang mengembalikan borang maklum balas. Namun, hanya sebanyak 120 borang maklum balas responden terhadap kolokium telah diterima. Laporan penilaian Kolokium ini bertujuan untuk melaporkan maklum balas peserta terhadap pelaksanaan kolokium ini dan seterusnya melakukan penambahbaikan pada masa akan datang.

MAKLUM BALAS PENILAIAN UMUM

Pada keseluruhannya, seminar ini telah mencapai objektifnya dengan memperoleh purata min 3.28 dengan purata 94.3 peratus responden yang berpendapat objektifnya agak tercapai dan tercapai sepenuhnya seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Pencapaian objektif seminar

Item	N	Min	Peratus Agak Tercapai dan Tercapai Sepenuhnya
Objektif 1	120	3.32	98.3
Objektif 2	120	3.34	96.7
Objektif 3	117	3.18	88.0
PURATA :		3.28	94.3

Huraikan apa Objektif 1, 2 dan 3

Jadual 4.2 di bawah menunjukkan 95.0 peratus responden berpendapat bahawa seminar ini banyak dan amat banyak meningkatkan pengetahuan dalam menjalankan tugas rasmi mereka (min=3.15), memberi kesedaran tentang sikap positif terhadap keberhasilan mutu kerja yang berkualiti (min=3.23), serta membantu mereka menjalankan tugas rasmi dengan lebih bermakna dan berkesan (min=3.21).

Jadual 4.2: Faedah Seminar

Item	N	Mfn	Peratus Banyak dan Amat Banyak
Meningkatkan pengetahuan dalam menjalankan tugas rasmi.	120	3.15	95.0
Memberi kesedaran tentang sikap positif terhadap keberhasilan mutu kerja yang berkualiti.	120	3.23	95.0
Membantu menjalankan tugas rasmi dengan lebih bermakna dan berkesan.	119	3.21	95.0
PURATA :			3.20
			95.0

ISI KANDUNGAN KOLOKIUUM

Berdasarkan Jadual 3 di bawah, 99.2 peratus responden berpuas hati dan amat berpuas hati dengan kesesuaian tajuk dengan objektif seminar (min=3.35); kesesuaian isi kandungan dengan tajuk kertas kerja (min=3.34); dan kesesuaian isi kandungan dengan kerja rasmi mereka (min=3.39).

Jadual 4.3: Kesesuaian Isi Kandungan Seminar

Item	N	Mfn	Peratus Memuaskan dan Amat Memuaskan
Kesesuaian tajuk dengan objektif program/ aktiviti	120	3.35	99.2
Kesesuaian isi kandungan dengan tajuk kertas kerja	120	3.34	100.0
Kesesuaian isi kandungan dengan kerja rasmi anda	120	3.39	99.2
PURATA :			3.36
			94.15

Sebanyak dua kertas ucapnama dan empat kertas kerja telah dibentangkan sepanjang kolokium selama dua hari. Berdasarkan Jadual 4.3, secara keseluruhannya, 92.2 peratus responden (min=3.25) memberi respons berpuas hati dan amat berpuas hati

dengan kualiti isi kandungan kertas yang dibentangkan. Didapati 100 peratus responden memberi respons berpuas hati dan amat berpuas hati dengan kertas kerja “Dari Teori Kepada Amalan di Bilik Darjah: Pelaksanaan PBS di SK Taman Putra Perdana, Sepang” (min=3.54) dan kertas kerja “PBS Sebagai Pemangkin Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan” (min=3.41). Hanya 82.1 peratus (min=2.91) responden berpuas hati dan amat berpuas hati dengan kertas ucapnama ke-2 “Konsep dan Pelaksanaan PBS dalam Transformasi Pentaksiran” dan 72.3 peratus (min=2.72) responden berpuas hati dengan kertas kerja “Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Ke arah Sekolah Berimpak Tinggi”. Sebanyak 99.2 peratus (min =3.64) responden berpuas hati dengan kertas ucapnama pertama bertajuk “Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif”. Manakala sebanyak 99.0 peratus (min = 3.51) responden berpuas hati dan amat berpuas hati dengan sesi Forum yang bertajuk “Menangani Isu dan Cabaran Pelaksanaan PBS di Sekolah”.

Jadual 4.4: Kepuasan terhadap Pembentangan Kertas Kerja Seminar

Tajuk Kertas Kerja	N	Min	Peratus Memuaskan dan Amat Memuaskan
Ucapnama 1: Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif	118	3.64	99.2
Kertas Ucapnama 2: Konsep dan Pelaksanaan PBS dalam Transformasi Pentaksiran	117	2.91	82.1
Kertas Kerja 1: Pemantapan PBS Melalui Aktiviti Kokurikulum	113	3.35	92.9
Kertas Kerja 2: Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Ke arah Sekolah Berimpak Tinggi	112	2.72	72.3
Kertas Kerja 3: Dari Teori Kepada Amalan di Bilik Darjah: Pelaksanaan PBS di SK Taman Putra Perdana, Sepang	112	3.54	100.0
Kertas Kerja 4: PBS Sebagai Pemangkin Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan	111	3.41	100.0
FORUM PBS: Menangani Isu dan Cabaran Pelaksanaan PBS di Sekolah	98	3.51	99.0
PURATA :		3.25	92.2

PELAKSANAAN KOLOKIUUM

Secara keseluruhannya, Jadual 4.5 di bawah menunjukkan pada puratanya 79.1 peratus responden (min=2.95) berpendapat bahawa perjalanan seminar ini pada tahap memuaskan dan amat memuaskan dengan min bagi aspek pendaftaran ialah 3.41 dan penginapan 3.18. Walau bagaimanapun, kepuasan responden terhadap aspek makanan agak rendah dengan min=2.39 dan bahan edaran dengan min=2.81.

Jadual 4.5: Pelaksanaan Seminar

Item	N	Mfin	Peratus Memuaskan dan Amat Memuaskan
Pendaftaran	118	3.41	99.2
Bahan edaran	117	2.81	76.1
Penginapan	114	3.18	88.6
Makanan	116	2.39	52.6
PURATA :		2.95	79.1

PROFIL RESPONDEN

Jadual 4.6 di bawah menunjukkan majoriti yang menjawab soalan ini adalah terdiri daripada warga sekolah iaitu 36 orang Pengetua (31.3%), 44 orang guru Penolong Kanan (38.2%) dan tiga orang guru (2.6%). Selain itu, kolokium ini turut dihadiri oleh dua orang Ketua Penolong Pengarah (1.7%), 11 orang Penolong Pengarah (9.6%), 11 pensyarah IAB (9.6%), dan tujuh orang Pegawai Pelajaran Daerah (9.42%).

Jadual 4.6: Profil Jawatan Responden

No	Jawatan Responden	Bilangan Responden	Peratus (%)
1.	Ketua Penolong Pengarah	2	1.7
2.	Penolong Pengarah	11	9.6
3.	PPD / PPG	7	6.1
4.	Pengetua	36	31.3
5.	Guru Penolong Kanan	44	38.2
6.	Guru	3	2.6
7.	Pensyarah IAB	11	9.6
8.	Lain-lain	1	0.9
Jumlah :		115	100

Jadual 4.7 menunjukkan majoriti (68.7%) peserta kolokium ini bertugas di sekolah dan diikuti oleh IAB (11.3%), Jabatan Pelajaran Negeri (8.7%), Pejabat Pelajaran Daerah (4.3%), manakala Pusat Kegiatan Guru dan Bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia masing-masing 3.5%.

Jadual 4.7: Tempat Bertugas Responden

No	Tempat Bertugas Responden	Bilangan Responden	Peratus (%)
1.	Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian)	4	3.5
2.	Institut Aminuddin Baki	13	11.3
3.	Jabatan Pelajaran Negeri	10	8.7
4.	Pejabat Pelajaran Daerah	5	4.3
5.	Sekolah	79	68.7
6.	Pusat Kegiatan Guru	4	3.5
Jumlah :		115	100

- Pilih ahli panel forum dan pembentang kertas ucpatama yang boleh memahami objektif dan tajuk kolokium
- Pembentang hendaklah lebih fokus kepada isu yang dikemukakan

(b) Isi kandungan

- Membentangkan kertas kerja yang relevan
- Beri tumpuan kepada isu dan masalah peringkat operasi di sekolah
- Berkongsi pengalaman sebenar oleh guru-guru mata pelajaran yang melaksanakan PBS untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan terperinci.
- Berkongsi pengalaman sekolah luar bandar dan pedalaman yang melaksanakan PBS dengan baik

(c) Masa

- Masa pembentangan dipanjangkan lagi
- Masa yang cukup untuk sesi soal jawab

ASPEK KEBAJIKAN PESERTA

Bagi aspek kebajikan peserta, komen dan cadangan penambahbaikan responden banyak berfokus kepada penginapan di Asrama Induk. Semua komen dan cadangan penambahbaikan responden dapat dirumuskan seperti berikut:

(a) Penginapan

- Kemudahan di dalam bilik asrama perlu diperbaiki

(b) Makanan

- Kualiti makanan perlu dipertingkatkan lagi
- Kuantiti makanan hendaklah mencukupi
- Mutu perkhidmatan pekerja perlu dipertingkatkan lagi
- Waktu sarapan pagi bermula pada jam 6.30 pagi
- Kebersihan semua aspek perlu dipertingkatkan lagi

(c) Kemudahan


- Masalah capaian internet di dalam bilik asrama

RUMUSAN

Berdasarkan data analisis di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pelaksanaan Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2012 berada pada tahap yang memuaskan kecuali kepuasan terhadap makanan (59.71%) dan bahan edaran (76.1%). Walau bagaimanapun, komen dan cadangan penambahbaikan responden dalam aspek pelaksanaan kolokium, aspek kertas kerja, dan aspek kebajikan peserta harus dikaji dengan teliti dan diambil kira dalam kolokium yang akan diadakan pada masa hadapan.


KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa Kolokium PBL 2012 ini telah berjaya dilaksanakan dan mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu membuka minda semua peserta terdiri daripada pensyarah IAB, Pengetua/Guru Besar Cemerlang untuk meneliti sejauh mana pendekatan PBS dapat diimplementasikan dalam bidang pengurusan pendidikan secara am dan Institut Aminuddin Baki secara khususnya. Pembentang kertas kerja telah berkongsi idea, pengetahuan, pengalaman dan maklumat mengenai PBS. Adalah diharapkan peserta kolokium bermotivasi dan membudayakan amalan pendekatan PBS dalam pengurusan dan kepimpinan di IAB atau di sekolah.



**MAKLUMAT KOLOKIUUM PENGURUSAN
PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH
2012**

Bahagian ini berkaitan dengan maklumat Kolokium
Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2012.



KOLOKIU M PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH 2012

TEMA:

“KEPEMIMPINAN PENTAKSIRAN HOLISTIK MEMACU MODAL INSAN KREATIF DAN INOVATIF”

PENGENALAN

Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2012 telah dilaksanakan pada 18 – 20 September 2012 bertempat di Auditorium Dato’ Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki (IAB), Sri Layang, 69000 Genting Highlands, Pahang. Tema kolokium kali ini ialah “Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovasi”.

MATLAMAT KOLOKIU M

Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2012 ini bermatlamat untuk menyebarkan maklumat tentang konsep PBS secara meluas kepada pemimpin sekolah menengah dari seluruh negara. Selain itu, kolokium ini juga memberi peluang kepada pemimpin sekolah untuk berkongsi pengalaman dan kemahiran melaksanakan PBS serta menangani sebarang isu berkaitan dengan pengurusan PBS di peringkat sekolah.

OBJEKTIF KOLOKIU M

Objektif Kolokium ini adalah seperti berikut:

- a) berkongsi maklumat dan pengetahuan baru tentang konsep dan pelaksanaan PBS di sekolah;
- b) berkongsi idea, pengalaman dan maklumat tentang pelbagai aspek penting dalam pelaksanaan PBS di sekolah; dan
- c) mengenal pasti isu-isu pengurusan PBS dan cadangan penyelesaiannya.

PESERTA KOLOKIU M

Kolokium ini telah dihadiri oleh seramai 153 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin sekolah menengah, pegawai daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Perincian bilangan peserta adalah seperti dalam Jadual 5.1 berikut:

Jadual 5.1: Bilangan Peserta Kolokium Mengikut Negeri dan Bahagian

NEGERI	JPN	PPD	PENORONG	PEK KAMPUS	Jumlah	
Sarawak	1		3	3	15	
Putrajaya	1		2	5	17	
Melaka	1	1	3	4	19	
Kelantan	1	1	4	4	20	
Pulau Pinang	1	1	4	4	17	
Perak	1	1	3	2	17	
Perlis	2		4	4	17	
Johor	1			6	18	
Selangor	1	1	5	4	18	
Sabah	1		3	3	9	
Labuan	1		1		3	
Negeri Sembilan			1		10	
Pahang	1		4	4	9	
Terengganu					9	
WP Kuala Lumpur	1	1	3	4	9	
Jumlah	14	6	40	47	107	
Bahagian KPM				7	39	46
Jumlah			107		46	153

Petunjuk:

JPN – Jabatan Pelajaran Negeri
IAB – Institut Aminuddin Baki

PPD – Pejabat Pelajaran Daerah
BHG – Bahagian KPM

ATURCARA KOLOKIUUM PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) TAHUN 2012

Hari Pertama*18 September 2012 (Selasa)***2.00 - 5.00 pg:**

Pendaftaran Peserta di Asrama Eksekutif / Induk

Hari Kedua*19 September 2012 (Rabu)***8.00 pagi:**

Para hadirin mengambil tempat di Auditorium

8.30 pagi:

Taklimat Urus Setia Kolokium

9.00 pagi:

Pembentangan Ucaptama 1 oleh:

Dr. Hj. Khodori bin Ahmad

Tajuk: Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovatif

Moderator: Dr. Zaiton binti Ismail

10.15 pagi:

Minum pagi

10.45 pagi:

Pembentangan Kertas Ucaptama 2 oleh:

Encik Mohammad Najib b. Mohd Ali

KS SPDP, Lembaga Peperiksaan

Tajuk: Konsep dan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam Transformasi Pentaksiran

Moderator: Dr. Hj. Abdul Zubir bin Hj. Abdul Ghani

11.45 pagi:**Majlis Perasmian**

Ucapan Alu-aluan oleh:

Yang Hormat Dato' Hj. Khairil bin Awang

Pengarah Institut Aminuddin Baki

12.15 tgh:

Perasmian Kolokium oleh:

YBhg. Datuk Dr. Khair bin Mohd Yusoff

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan

12.45 pg:

Jamuan Makan Tengah Hari

2.15 pg:

Pembentangan Kertas Kerja 1 – 4

Moderator: Dr. Hj. Abdul Zubir bin Hj. Abdul Ghani

Pembentangan Kertas Kerja 1

Puan Che Kamaliah binti Endud

Pengetua Kolej Tunku Kursiah, Seremban, Negeri Sembilan

Tajuk: Pemantapan PBS Melalui Aktiviti Kokurikulum

2.45 ptg	Pembentangan Kertas Kerja 2: Puan Mazmin binti Mohamad Pengetua SMK Serendah, Selangor Tajuk: Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Ke arah Sekolah Berimpak Tinggi
3.15 ptg	Pembentangan Kertas Kerja 3: Encik Sukimin bin Juki Guru Besar SK Taman Putra Perdana, Puchong, Selangor Tajuk: Dari Teori Kepada Amalan di Bilik Darjah: Pelaksanaan PBS di SK Taman Putra Perdana, Sepang
3.45 ptg	Pembentangan Kertas Kerja 4: Encik Anuar bin Sukiran Pengetua SMK Seri Alam 2 Pasir Gudang, Johor Tajuk: PBS Sebagai Pemangkin Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan
4.15 ptg	Minum petang
Hari Ketiga	20 September 2012 (Khamis)
8.30 pagi	Taklimat Urus Setia Kolokium
	FORUM PBS Tajuk: Menangani Isu dan Cabaran Pelaksanaan PBS di Sekolah Moderator : Dr. Zaiton binti Ismail Ahli Panel: 1. Hj. Norzila binti Mohd Yusof Ketua Sektor Pembinaan Ujian Akademik (SPUA) LP 2. Encik Maslan bin Buniran Pengetua SMK Victoria, WP KLumpur 3. Encik Md Yassin bin Daud PPD Mersing, Johor
10.15 pagi	Minum pagi
10.45 pagi	Rumusan oleh Puan Nor Laila binti Kuslan (Pensyarah Kanan JPP, PPICT)
11.15 pagi	Majlis Perasmian Penutupan oleh: YBhg. Dr. Zainab binti Hussin (Timbalan Pengarah Khidmat Profesional, IAB)